**Kampung Mutiara, apa reaksi penduduk**
MS 11 & 25



**Caj air, Pulau Pinang perlu bayar?**
MS 14

PERCUMA
buletin Mutiara
Cekap Akauntabel Telus
www.buletinmutiara.com
16 – 31 OGOS, 2017
http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# PR1MA

## • MP terkejut hanya 934 terima kunci
## • Exco Perumahan dedah tiada seunit pun di Pulau Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEHINGGA** Jun 2017, sejumlah 934 unit kediaman Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) sahaja baru diserahkan kunci kepada rakyat adalah mengejutkan, kata Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Walhal menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melalui Manifesto Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) tahun 2013 lalu telahpun berjanji untuk menyediakan 500,000 unit kediaman PR1MA kepada rakyat, termasuk di Pulau Pinang.

"Maksudnya, hanya 934 orang muda sahaja mendapat unit kediaman...ini hanya 0.2 peratus sahaja janji manis yang telah dijanjikan kepada orang muda," ujarnya dalam satu kenyataan bertarikh 10 Ogos lepas.

Memetik Jawapan Bertulis Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), katanya, sehingga Jun 2017, sejumlah 8,475 unit kediaman telahpun dibina sejak PR1MA ditubuhkan pada tahun 2013.

"Siap dibina, bukanlah bermakna semua unit kediaman telahpun diserahkan kunci kepada rakyat," jelasnya.

Mengikut negeri, Tze Tzin memberitahu, sejumlah 3,096 unit kediaman PR1MA telahpun siap dibina di Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,074), Johor (2,069), Perak (676) dan Putrajaya (560).

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan BN sehingga kini masih belum membina walau seunit kediaman PR1MA untuk rakyat Malaysia yang mendiami negeri Pulau Pinang.

Jagdeep berkata demikian sambil mendedahkan bukti berwajib, iaitu berdasarkan rekod Perakuan Layak Menduduki (OC) yang dibekalkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Fakta ini saya peroleh daripada dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini, yang mana ianya merupakan statistik pengeluaran OC untuk kelulusan bagi LC (rumah kos rendah) dan LMC (rumah kos sederhana rendah).

"Fakta melalui angka ini tidak boleh dinafikan," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika membuat lawatan susulan ke Flat Taman Bayu dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Jermal Pulau Pinang baru-baru ini.



**JAGDEEP Singh Deo (bertali leher) diiringi Lim Hock Seng (empat dari kanan) menyerahkan surat kelulusan permohonan TPM80PP kepada wakil Persatuan Penduduk Flat Taman Bayu dekat KADUN Bagan Jermal di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, ADUN Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng serta Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Di rumah pangsa berkenaan, Jagdeep mengumumkan kelulusan peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP) berjumlah RM46,400, untuk selenggara lif di rumah pangsa tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut mengkritik tindakan Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang yang melaporkan sejumlah 16,569 unit rumah mampu milik (RMM) bawah program PR1MA dalam proses pembinaan di negeri ini.

"BN Negeri melancarkan sebuah buku mendakwa kononnya Kerajaan Persekutuan sedang membina 16,569 unit PR1MA, serta meluluskan RM24.5 juta untuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

"Saya cabar BN tunjukkan di mana projek PR1MA yang sedang dibuat itu.

"Bagi TP1M pula, dari 2016 hingga 2017 kita (Pulau Pinang) mendapat 'kosong' kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan," ulas beliau.

# Permuafakatan rakyat tonggak utama kekuatan negara - Guan Eng

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (barisan pertama, kanan sekali), Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (barisan pertama, dua dari kanan) dan barisan kepimpinan lain yang turut hadir.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melepaskan konvoi merdeka motosikal berkuasa tinggi pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-60 di sini baru-baru ini.





SEMANGAT patriotik pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Mak Mandin, Butterworth pada sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan di sekolah mereka.

**PANTAI JEREJAK** - Pelancaran Program Negaraku Sehati Sejiwa Peringkat Negeri Pulau Pinang disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini 16 Ogos lalu.

Majlis pelancaran tersebut dihadiri kira-kira 200 tetamu terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk menerima penyerahan bendera sebagai simbolik Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-60 tahun ini.

Guan Eng dalam ucapannya menyeru warga negeri agar bersatu iaitu tidak berlawan di antara satu sama lain, sebaliknya semarakkan kemerdekaan dan bertindak melawan kemiskinan, rasuah, ekstremisme, perkauman serta kejahilan.

"Sambutan hari kebangsaan peringkat negeri secara rasminya bermula hari ini (16 Ogos 2017) dengan pengisian pelbagai program yang telah diatur bagi memupuk semangat kebangsaan cintakan negara dan patriotisme dalam kalangan masyarakat majmuk di negeri ini.

"Kita bangga bahawa masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa serta agama di sini dapat hidup aman, toleransi dan harmoni kerana sifat perpaduan yang utuh serta saling menghormati di antara satu sama lain.

"Syabas kerana warga negeri masih bersatu dan menolak anasir-anasir jahat yang berniat mahu menanam sifat kebencian, keganasan, penganiayaan dan diskriminasi serta fitnah jahat untuk mencapai kepentingan peribadi tertentu," ucapnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ketua-ketua Jabatan Negeri, Persekutuan dan agensi swasta.

Bersempena pelancaran tersebut, pelbagai program dilaksanakan seperti persembahan boria yang sinonim dengan masyarakat Pulau Pinang, pertandingan mewarna dan konvoi merdeka motosikal berkuasa tinggi.

**Merujuk kepada pepatah Melayu, 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh', Guan Eng menyatakan bahawa permuafakatan rakyat mampu menjadi tonggak utama kekuatan negara.**

**"Permuafakatan rakyat hanya bermakna sekiranya ia disusuli dengan pencapaian kemajuan ekonomi untuk semua, masyarakat berpendidikan dan pintar, insan hidup bermaruah, infrastruktur dan kemudahan asas mencapai taraf antarabangsa, penyampaian perkhidmatan serta tata kelola kerajaan yang baik,"** jelas beliau.




Oleh: **ME**

# PM janji Koridor Utara 2.0 laksana *Batu Kawan Development*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PANTAI JEREJAK -** Pembangunan Batu Kawan tersenarai dalam Rangka Tindakan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2016 - 2025 (*Blueprint 2.0*), umum Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berjanji demikian pada Majlis Peluncuran Blueprint 2.0 NCER, yang turut disertai oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE) di sini 17 Ogos lalu.

Turut serta, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Paduka Bakar Din mewakili Menteri Besarnya; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Redza Rafiq.

"Jika ketidakseimbangan ini gagal diatasi, maka rakyat yang berada di kelompok B40 terutamanya, akan terus ketinggalan.

"(Rancangan Malaysia Ke-11) RMK-11 merupakan fasa terakhir (NCER) untuk mencapai status negara maju," janji Najib lagi.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) turut memberitahu bahawa NCER berkaitan akan turut menempuhi Revolusi Perindustrian 4.0.

Ucapan Najib itu senada dengan beberapa pengumuman pentadbiran Guan Eng sebelum ini, yang mahu menjadikan Taman Perindustrian Batu Kawan sebagai 'enjin ekonomi Pulau Pinang' utama dalam menempuhi era Revolusi Perindustrian 4.0, kini.

Julai 2007, bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi buat pertama kali meluncurkan Rangka Tindakan Pembangunan NCER (*Blueprint 1.0*), hampir setahun sebelum Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU12) pada 8 Mac 2008.

Menjelang pilihan raya umum, dalam janji Najib ketika meluncurkan *Blueprint 2.0* memberitahu, NCER sehingga 31 Disember 2016 menarik RM79.9 bilion pelaburan serta mewujudkan 103,597 peluang pekerjaan ke keempat-empat negeri Utara Semenanjung Malaysia, termasuk Pulau Pinang.



**KETUA Menteri ketika menghadiri Majlis Peluncuran Blueprint 2.0 NCER di sini baru-baru ini.**

# KN lulus 25 projek bawah TPM80PP demi selesa rakyat

**PAYA TERUBONG –** Sebanyak RM3.02 juta peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) dibelanjakan untuk 25 projek perumahan membabitkan penyelenggaraan kerja-kerja kritikal di seluruh Pulau Pinang tahun ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, jumlah tersebut adalah projek yang dilulus membabitkan perumahan kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan perumahan berharga sehingga RM150,000.

"Tabung TPM80PP ini diwujudkan bagi membantu menampung kos penyelenggaraan kerja-kerja kritikal terutamanya pengubahsuaian dan petukaran lif serta tangki air.

"Setakat 8 Ogos 2017, selain 25 projek yang diluluskan tersebut, kita (Kerajaan Negeri) masih menimbang baki 23 projek (RM5.37 juta) lagi," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika mengadakan lawatan meninjau kerja-kerja naik taraf lif Blok 2C dan 2G Medan Angsana di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Projek naik taraf lif di kedua-dua blok tersebut mencecah RM445,200, yang mana 80 peratus daripada kos tersebut iaitu RM356,160 adalah dibiayai daripada dana TPM80PP, manakala bakinya, RM89,040 adalah daripada penduduk setempat.

**Menyentuh mengenai Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M), Jagdeep meluahkan kekecewaannya kerana Kerajaan Negeri terpaksa mengorak selangkah ke hadapan bagi membantu skim-skim perumahan KR dan KSR yang memerlukan penyelenggaraan segera memandangkan TP1M gagal dalam meluluskan peruntukan sejak dua tahun yang lalu.**

**"Sejak dua tahun lalu, tiada satu pun permohonan projek penyelenggaraan dari Pulau Pinang diluluskan di bawah tabung berkenaan.**

**"Malah, saya difahamkan bahawa prestasi penggunaan wang di bawah TP1M semakin merosot. Pada tahun 2013, di seluruh Malaysia mencatatkan peruntukan dalam linkungan RM30 juta, RM40 juta (2014) dan RM50 juta (2015).**

**"Tetapi, peruntukan (RM50 juta) tersebut telah jatuh mendadak kepada RM4 juta sahaja pada tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 92 peratus.**



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) dan Yeoh Soon Hin (empat dari kanan) sambil ditemani penduduk setempat bergambar kenangan selepas pengumuman peruntukan menaik taraf dua lif Blok 2C dan 2G Medan Angsana di sini baru-baru ini.**

"Jadi, dana TPM80PP ini adalah inisiatif kita (Kerajaan Negeri) dalam membantu penduduk di bawah skim-skim perumahan mampu milik (RMM)," ujarnya.

Justeru, tambah Jagdeep, beliau telah memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri dengan menyalurkan dana Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) berjumlah RM1 juta ke dalam TPM80PP.

"Kita telah memulakan TPM80PP ini dengan peruntukan RM2.8 juta, tetapi masih tidak mencukupi. Oleh itu, di atas permohonan yang dibuat, Ketua Menteri telah bersetuju menyalurkan dana HAPPY! berjumlah RM1 juta untuk dimasukkan ke dalam TPM80PP.

"Tetapi, jumlah RM3.8 juta tersebut masih tidak mencukupi, dan dua bulan lalu, Ketua Menteri sekali lagi bersetuju memberikan sejumlah RM3 juta tambahan kepada tabung ini menjadikan jumlah keseluruhan tabung TPM80PP kini adalah berjumlah RM6.8 juta," jelas beliau.

# Gedung IKEA jangka dibuka suku pertama 2019 – KM




**PANTAI JEREJAK –** Syarikat perabot terkemuka Sweden, IKEA dijangka siap dan dibuka kepada orang ramai pada suku pertama tahun 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembukaan gedung perabot IKEA di Batu Kawan dan pertama di wilayah Utara tersebut diharap dapat disempurnakan pada 1 Januari 2019.

"Walau bagaimanapun, pembinaan dan pembukaan ini bergantung kepada faktor cuaca dan lain-lain.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap ia dapat dibuka pada 1 Januari 2019, ataupun jika tidak, pada suku pertama tahun tersebut," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita berhubung perkembangan projek berkaitan pada majlis sidang media selepas pengumuman *Penang Medical Expo & Malaysian Healthcare Policy Conference*.

Turut serta, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Terletak di Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS), projek bernilai RM484 juta di atas tapak berkeluasan 99 hektar tersebut akan dibangunkan oleh *Ikano Pte Ltd*. (Ikano- syarikat francais bagi IKEA di Malaysia, Singapura dan Thailand) bersama-sama syarikat tempatan, Aspen Vision Sdn. Bhd. (Aspen).

Projek mega melibatkan gabungan dua syarikat terkemuka Ikano dan Aspen tersebut bakal dibangunkan sebagai sebuah pusat sehenti komersial dan bercampur merangkumi sebuah pusat membeli-belah, kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan perkhidmatan serta hab logistik.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, berhubung penjualan tanah di Batu Kawan, semua industri adalah memenuhi setiap keperluan dan kriteria yang ditetapkan.

"Di Batu Kawan apabila kita menjual tanah, semua industri yang memenuhi keperluan sahaja boleh masuk seperti industri elektronik dan sebagainya.

"Manakala, mengenai industri terpilih pula, hanya mereka yang di dalam industri ini sahaja yang boleh lakukannya, ini merupakan bidang khusus.

"Untuk bidang khususnya ini, kita (Kerajaan Negeri) tidak melakukan tender terbuka, bahkan MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) juga tidak lakukannya.

"Semua projek, kontrak dan penjualan tanah 99 peratus adalah secara tender terbuka... hanya satu peratus di bawah kategori bidang khusus ini...kerana ia akan membantu mempromosikan Pulau Pinang," jelas beliau.

---

# Saringan pertama pilih pemenang peraduan Buletin Mutiara selesai

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**LUAR JANGKAAN...** Saringan pertama pemilihan pemenang peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0 dan Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: 'Saya ❤ Pulau Pinang' anjuran Buletin Mutiara selesai.

Kira-kira 2,000 penyertaan diterima masing-masing membabitkan kedua-dua penganjuran yang berlangsung dari tempoh 1 April 2017 hingga 31 Julai 2017.

Pemenang bagi peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0 berpeluang membawa pulang wang tunai bernilai RM400 bagi tempat pertama, RM250 (kedua) dan RM150 ketiga.

Manakala, bagi Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: 'Saya ❤ Pulau Pinang', RM500 ditawarkan kepada pemenang tempat pertama, RM300 (kedua) dan RM200 (ketiga).

Hanya peserta yang terpilih sebagai pemenang sahaja akan dihubungi oleh Buletin Mutiara dalam masa terdekat.



**SEBAHAGIAN panelis yang sedang membuat pemilihan saringan pertama peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0 dan Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: 'Saya ❤ Pulau Pinang' anjuran Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.**




**SEBAHAGIAN hasil karya yang diterima.**

# Filem kisah muda Bruce Lee, Pulau Pinang sebagai set penggambaran

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang akan menjadi salah satu lokasi pergambaran filem '*Little Dragon*' yang mengisahkan kehidupan lagenda seni bela diri terkenal dunia, Bruce Lee ketika usia muda, kata anaknya, Shannon Lee.

Shannon Lee dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa penggambaran filem biografi ayahnya itu dijadual bermula antara bulan September hingga November tahun ini.

"Kami akan berusaha untuk meniru era 1950-an di Hong Kong.

"Sebahagian sesi pergambaran akan dilakukan di Pulau Pinang, sebelum kami menuju ke studio Pinewood Iskandar Malaysia dekat Johor Baru, dan lalu ke Foshan (dekat negara) China untuk penggambaran filem.

"Ini adalah filem mengenai kisah benar ayah saya, Bruce Lee, daripada mana beliau datang dan apakah keistimewaan yang mungkin kebanyakan orang ingin tahu," katanya dalam sidang media di sini 8 Ogos lepas.

Menurut Shannon, filem berdurasi kira-kira dua jam itu akan diarah oleh pengarah terkenal, Shekhar Kapur dan dijangka ditayangkan pada akhir tahun depan.



**SHANNON Lee.**

Dalam pada itu, Guan Eng menzahirkan rasa bangga kerana dalam filem terbaru berkaitan, bangunan-bangunan warisan di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town akan dijadikan latar belakang kisah hidup usia muda Bruce Lee pada era 1950-an.

"Kita (Kerajaan Negeri) begitu berminat sebab anak Bruce Lee ada di sini, dan memilih Pulau Pinang untuk penggambaran filem ayahnya," ujarnya.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut sertai sidang media itu.

# Pulau Pinang sedia RMM 4 kali ganda berbanding era BN - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 21,535 unit kediaman iaitu rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) disediakan hasil inisiatif Kerajaan Negeri dalam tempoh 2008 hingga Mei 2017, berbanding 5,154 unit (1999 hingga 2007) oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, angka (jumlah) 21,535 unit tersebut diperoleh daripada rekod Sijil Kelayakan Menduduki (OC) yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"OC ini adalah bukti statistik terpenting berhubung unit yang telah dibina Kerajaan Negeri. Ia adalah data tepat daripada kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) dari 2008 sehingga Mei tahun ini.

"Jelas, jumlah ini adalah empat kali ganda daripada yang dibina pada era Barisan Nasional (BN) iaitu 5,154 untuk tempoh berkaitan," ujarnya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Ekspo Perumahan Mampu Milik Siri Kedua Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Ekspo yang berlangsung dari 10 hingga 13 Ogos lalu adalah membabitkan sembilan pemaju perumahan termasuk agensi perumahan di bawah Kerajaan Negeri, PDC Sdn. Bhd. yang menawarkan sejumlah 2,747 unit pelbagai perumahan mampu milik (RMM) dari harga RM42,000 hingga RM300,000.




**JAGDEEP Singh Deo (tengah) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bersempena penganjuran Ekspo Perumahan Mampu Milik Siri Kedua 2017 di sini baru-baru ini.**

| NO | NAMA PROJEK | DAERAH | JENIS 'A' (RM 42,000) | JENIS 'B' (RM 72,000) | JENIS 'C' (MAKS. RM 300,000) | JUMLAH (UNIT) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 01 | TELUK KUMBAR | DBD | - | 346 | 348 | 694 |
| 02 | JELUTONG | DTL | - | 310 | 444 | 754 |
| 03 | PINTASAN CECIL | DTL | - | 348 | - | 348 |
| 04 | SP CHELLIAH | DTL | - | 770 | 1,323 | 2,093 |
| 05 | SANDILAND | DTL | - | 321 | 482 | 803 |
| 06 | PERAK ROAD | DTL | - | 200 | 2,225 | 2,425 |
| 07 | KOTA GIAM | DTL | - | 895 | - | 895 |
| 08 | BANDAR CASSIA | SPS | - | 3,372 | 8,428 | 11,800 |
| 09 | KEPALA GAJAH | SPS | 41 | - | - | 41 |
| 10 | KAMPUNG JAWA | SPU | - | 353 | 354 | 707 |
| 11 | AMPANG JAJAR | SPU | - | 600 | 600 | 1,200 |
| 12 | MAK MANDIN | SPU | 187 | - | - | 187 |
| 13 | UJUNG BATU | SPU | 600 | - | 1,108 | 1,708 |
| 14 | KAMPUNG MAIN ROAD | SPT | - | 560 | 560 | 1,120 |
| 15 | BUKIT MERTAJAM | SPT | - | 408 | 408 | 816 |
| 16 | JURU | SPT | - | 800 | 800 | 1600 |
| 17 | PERMATANG TOK SUBUH | SPT | 39 | - | - | 39 |
| JUMLAH BESAR (UNIT) | | | 867 | 9,283 | 17,080 | 27,230 |

*Sumber: Bahagian Perumahan Negeri Pulau Pinang.*

**JADUAL 1: Projek perumahan yang sedang dan akan dibina di lima daerah negeri Pulau Pinang.**

Selain unit yang telah dibina, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang juga mempunyai 17 projek yang sedang dan akan dibina melibatkan sejumlah 27,230 unit RMM di semua lima daerah di Pulau Pinang. (Rujuk Jadual 1).

"Dalam memastikan pembekalan yang mencukupi, selain daripada 27,230 unit yang dinyatakan, setakat ini juga sebanyak 36,786 unit pelbagai RMM telahpun diluluskan untuk dibina oleh pihak pemaju swasta di bawah Garis Panduan Pembinaan RMM yang diwujudkan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas lanjut berhubung pembekalan RMM di Pulau Pinang, Jagdeep menyatakan bahawa setakat ini sebanyak empat projek pengenalan produk RMM pada harga RM150,000 bersaiz 750 kaki persegi (tanpa kemasan) telah diluluskan.

"Projek pengenalan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pihak pemaju swasta.

"Kerajaan Negeri juga akan terus mengekalkan harga RMM Jenis A (KR) dan Jenis B (KSR) masing-masing pada RM42,000 dan RM72,500, berbanding Pusat yang mana memutuskan bahawa sekiranya sesebuah negeri itu ingin meningkatkan harga, mereka (negeri) dibenarkan untuk meningkatkan harga masing-masing sehingga RM60,000 dan RM100,000.

"Kita juga telah mengurangkan harga siling RMM yang tertinggi di bahagian pulau dari RM400,000 kepada RM300,000," katanya.

# Seleweng Wang Amanah Saliran Negeri, Exco kesal tuduhan terhadap Kerajaan Negeri

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow kesal dengan beberapa pihak yang membuat tuduhan tidak berasas, kononnya Wang Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang telah diselewengkan untuk tujuan lain.

Tegas Kon Yeow, Wang Amanah Saliran Negeri digunakan dengan baiknya terutamanya dalam melaksanakan projek-projek tebatan banjir di seluruh negeri.

"Sebagai contoh, bagi tempoh 2008 hingga 2017, Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir telah meluluskan perbelanjaan sebanyak RM176.9 juta walaupun kutipan bagi tempoh tersebut hanya RM131.9 juta.

"Hal ini membuktikan ketegasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menangani masalah banjir kilat di negeri ini ," ujarnya melalui kenyataan media pada 10 Ogos lalu di sini.

Mengulas lanjut, menurut Kon Yeow, selain menggunakan Wang Amanah Saliran Negeri, Kerajaan Negeri juga telah menunjukkan keprihatinan dengan meluluskan RM150 juta dalam Belanjawan 2017 untuk melaksanakan sembilan projek tebatan banjir berimpak tinggi.

"Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) rela dan mengambil sikap telus apabila menerima teguran Audit Negara bahawa ada kelemahan dalam penyerahan hasil kepada Akaun Amanah Saliran.

"Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 mengesyorkan supaya MPSP memastikan semua hasil kutipan, dan baki RM22.09 juta Wang Amanah Saliran Negeri yang dikutip diserahkan kepada JPSPP.

"(Dan) Kerajaan Negeri telahpun mengeluarkan arahan kepada MPSP pada tahun 2016 supaya menyerahkan baki kutipan terkumpul kepada JPSPP dan dijangka selesai sebelum akhir tahun ini.

"Manakala, kutipan semasa perlu diserahkan kepada JPSPP setiap tiga bulan supaya projek-projek tebatan banjir dapat diluluskan untuk pelaksanaan," jelasnya.



**CHOW Kon Yeow.**

# Sektor pelancongan perubatan, KN pastikan Pulau Pinang terus kukuhkan kedudukan

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri bakal memastikan Pulau Pinang terus kukuh sebagai pusat pelancongan perubatan nombor satu dalam negara meskipun sumbangan kepada sektor berkenaan mencatatkan penurunan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, walaupun masih kekal berada pada nombor satu dalam negara, namun sumbangan kepada industri berkenaan telah menurun kira-kira dua pertiga daripada pendapatan sebelumnya, dan perkara tersebut perlu ditangani segera.

"Faktor ini mungkin kerana terdapat pesaingan dari negeri-negeri lain.

"Tetapi, apa yang lebih penting bukan sahaja kita (Pulau Pinang) perlu meningkatkan kembali peratusan, sebaliknya kembali ke kedudukan nombor satu tanpa dipertikaikan.

"Oleh itu, bidang utama perlu diperbaiki dalam memastikan Pulau Pinang terus kukuh sebagai pemain hab pelancongan perubatan di Malaysia.

"Selain menekankan keperluan untuk meningkatkan bilangan doktor dan jururawat, pakar berkebolehan, pembinaan dan keupayaan kapasiti adalah penting untuk memastikan teknologi perubatan kini tersedia," ujarnya ketika melancarkan Pameran Kesihatan Perubatan Pulau Pinang dan Persidangan Dasar Penjagaan Kesihatan Malaysia (PMEX 2017) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ashwin Gunasekeran (Ketua Pegawai Eksekutif Penang Convention & Exhibition Bureau, PCEB).

PMEX 2017 bakal berlangsung dari 10 hingga 12 November 2017 di Pusat Konvensyen SPICE (*Subterranean Penang International Conference and Exhibition Centre*).

Pameran dan persidangan tersebut adalah inisiatif Kerajaan Negeri melalui PCEB bagi menyediakan pendekatan holistik ke arah penjagaan kesihatan dan pelancongan perubatan.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa PMEX 2017 akan bertindak sebagai platform bagi industri perubatan mempromosikan rawatan perubatan berkualiti tinggi.

"Penganjuran ini adalah platform untuk mempromosikan rawatan pada harga berpatutan, dari diagnostik dan ujian kepada pembedahan serta pembedahan kepada pemulihan.

"Diharap idea dan perbincangan ini akan membawa pembaharuan dan akhirnya mengubah landskap sistem penjagaan kesihatan," ujar beliau.

# KM puji MPSP berbelanja lebih demi rakyat, naik taraf dewan orang ramai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **VICTOR SEOW**

**JAWI -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memuji Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana berbelanja kira-kira RM80,000 untuk projek menaik taraf Dewan Serbaguna JKKK Sungai Jawi di sini.

"Kerajaan Negeri berasakan adalah tidak rugi mengeluarkan perbelanjaan untuk menaik taraf dewan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti).

"Terima kasih kepada MPSP yang membaikinya (dewan)," katanya pada Majlis Perasmian Dewan JKKK Sungai Jawi dekat Taman Jawi Jaya di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Mohd. Ali Sebran turut sertai majlis yang dilangsungkan serentak dengan Program Motivasi Persiapan Calon-Calon Menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi.

Hadir sama, ADUN Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee yang juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang serta Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan turut merakamkan penghargaan kepada Lip Chee kerana mengeluarkan peruntukannya untuk dekorasi dewan di sini.

Difahamkan, Guan Eng turut meluluskan peruntukan Pejabat Ketua Menteri kira-kira RM25,000 untuk tujuan pemasangan enam unit pendingin hawa di dalam Dewan JKKK Taman Jawi Jaya.

Di samping itu, menurutnya, beliau turut meluluskan RM52,300 untuk kerja-kerja pembinaan tembok batu, tempat memasak dan bumbung (*awning*) untuk Surau Taman Jawi Jaya, bersebelahan dewan di sini.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 telah membelanjakan RM412.63 juta bantuan kewangan secara tunai di bawah Program i-Sejahtera, yang memberi manfaat kepada 1.6 juta rakyat Malaysia di Pulau Pinang.

"Pelbagai program 'emas' ini merangkumi segenap lapisan masyarakat yang mana pada tahun 2016 sahaja, seramai 301,526 rakyat Pulau Pinang telah menerima wang secara langsung, yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), pelajar emas, anak emas, ibu emas dan sumbangan khairat kematian," jelasnya sambil menyeru kepada rakyat untuk saling memberi kerjasama kepada kepemimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, khususnya di Parlimen Nibong Tebal dan KADUN Jawi.




KETUA Menteri bersama-sama Maktar Shapee (kanan sekali), Soon Lip Chee (empat dari kanan), Mansor Othman (lima dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Perasmian Dewan JKKK Sungai Jawi dekat Taman Jawi Jaya di sini baru-baru ini.



# Kelestarian sungai, laksana program anak angkat sungai libat komuniti setiap daerah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAYAN LEPAS –** Sungai Ara yang pernah diiktiraf sebagai sungai terbersih dalam negara pada 2015 berdasarkan laporan Jabatan Alam Sekitar (JAS) tahun ini, dijadikan program angkat sungai di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) Daerah Barat Daya (DBD).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, bermula tahun ini, bagi menjaga kelestarian sungai-sungai di Pulau Pinang, JPS di setiap daerah dikehendaki menjalankan program anak angkat sungai yang turut melibatkan komuniti setempat secara langsung bersama-sama agensi kerajaan.

"Tahun ini, JPSPP Daerah Barat Daya telah memilih Sungai Ara yang terletak di Taman Linear sebagai program anak angkat bagi menjalankan aktiviti JPS @Komuniti.

"Lanjutan itu, JPSPP Daerah Barat Daya telah menjalankan kerja menaik taraf sungai ini dengan anggaran kos sebanyak RM45,000 yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri.

"Kos ini adalah melibatkan kerja-kerja pengorekan, pembinaan lintasan (*stepping zone*) di atas sungai dan kerja pengukuhan tebing bagi memberi keselesaan kepada pengguna dan penduduk," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika mengadakan lawatan ke Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Bersempena lawatan berkaitan, Kon Yeow yang turut ditemani Jurutera JPSPP Daerah Barat Daya, Haslinda Mohamad Hamran adalah bagi melihat kerja-kerja naik taraf yang telah selesai dilakukan.

Hadir sama, Naib Pengerusi Persatuan Penduduk Desa Ria Sungai Ara, Eric Chee.

Menurut Kon Yeow, JPSPP melalui Jawatankuasa Kerja Task Force Pencemaran Sungai dan Laut Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan pada 2014 telah merangka pelbagai program dan inisiatif secara struktur serta bukan struktur dalam menangani isu pencemaran dan memastikan aktiviti yang dijalankan dapat meningkatkan kesedaran awam.

"Konsep semulajadi diterapkan di dalam kerja pemuliharaan sungai bagi menggalakkan penduduk dan pengguna taman ini supaya menghargai serta menghayati nilai flora dan fauna yang terdapat di sekelilingnya.

"Diharap usaha murni ini dapat membuka minda komuniti untuk menjaga kebersihan sungai kerana ia adalah tanggungjawab bersama," seru beliau.

Difahamkan, Sungai Ara merupakan program anak angkat sungai kedua selepas program pertama iaitu sebatang anak sungai di Taman Botani. Manakala, Sungai Mati dipilih sebagai anak angkat sungai bagi Daerah Timur Laut.



**CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) dan Haslinda Mohamad Hamran (empat dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke Sungai Ara di sini baru-baru ini.**

---

# Naik taraf Jalan Bukit Tambun, bukti pembangunan seimbang tidak pinggir rakyat SPS

**BUKIT TAMBUN -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng memaklumkan bahawa projek naik taraf Jalan Bukit Tambun dekat Batu Kawan sepanjang 2.1 kilometer (km) bernilai RM23.9 juta kini siap 70 peratus.

Katanya, projek naik taraf dari dua lorong kepada enam lorong (dua hala) tersebut bakal merancakkan pembangunan serta kepesatan ekonomi di Batu Kawan dan Seberang Perai Selatan (SPS).

"Projek melebarkan jalan sedia ada dari 11 meter kepada 40 meter lebar adalah lebih dari dua kali ganda saiz asal.

"Baru-baru ini, kita juga mengumumkan projek pelebaran sebuah jambatan tidak jauh dari sini yang menelan belanja RM33.5 juta di bawah program tanggungjawab korporat sosial (CSR) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai persediaan kemajuan kawasan Batu Kawan," ujarnya pada Majlis Pelancaran Projek Pelebaran Jalan Bukit Tambun, Batu Kawan di sini 12 Ogos lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod; Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Menurut Guan Eng, antara kepesatan pembangunan di Batu Kawan termasuk kemasukan pelabur-pelabur bagi sektor elektronik, industri kecil sederhana (IKS), penambahan peluang pekerjaan, pembukaan pusat membeli-belah ternama IKEA dan projek-projek perumahan.

"Ini menunjukkan Kerajaan Negeri kini menjalankan pembangunan seimbang dan tidak meminggirkan rakyat di Seberang Perai terutamanya di SPS.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri dan PDC tidak mahu mengulangi kesilapan yang berlaku ketika pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua), yang mana jambatan terlebih dahulu siap sebelum jalan-jalan yang menghubungkannya.

"Kita mahu ianya siap awal, bukan tiga tahun lewat seperti yang berlaku pada Jambatan Kedua sebelum ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih dan Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan projek yang bermula pada 26 Mei lalu dijangka siap 31 Disember 2017.



**JALAN Bukit Tambun kini.**




# Hadapi era digital, KM cadang mata pelajaran asas pengekodan peringkat sekolah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat mewujudkan mata pelajaran asas pengekodan atau *coding* di setiap sekolah sebagai salah satu subjek pilihan dalam usaha mencetuskan minat para pelajar terhadap dunia sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM.

Beliau berkata, cadangan berkenaan diutarakan berikutan beberapa sektor industri kini menghadapi kekangan pekerja mahir dalam bidang perisian digital.

“Saya percaya, kebolehan pengekodan adalah penting terutama dalam menghadapi era digital kini, kebolehan pengekodan adalah bakat.

“Impak positifnya adalah kita mampu mengembangkan lagi bakat sedia ada dalam bidang kejuruteraan perisian, dan pastinya ia akan menjana pertumbuhan ekonomi dengan mencipta peluang pekerjaan baharu,” ujarnya sejurus meluncurkan inisiatif terbaru Kluster Sains Pulau Pinang (PSC), *Code-on-Wheels* dekat Wisma Yeap Chor Ee di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai; Pengarah PSC, Datuk Yoon Chon Leong dan Ketua Pegawai Eksekutif PSC, Ooi Peng Ee.

Mengulas lanjut, **Guan Eng memberitahu, jika suatu ketika dahulu kaedah 3M iaitu membaca, menulis dan mengira menjadi tunjang utama, namun di era serba moden ini, kebolehan pengekodan atau mengekod perlu menjadi nilai tambah.**

**“Dahulu cuma ada 3M, kini perlu tambah satu lagi M menjadikan 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan mengekod.**

**“(Dan) dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan STEM, saya yakin minat terhadap pengekodan akan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kecemerlangan sains dan teknologi**,” katanya.

Difahamkan, melalui kenderaan *Code-on-Wheels*, PSC akan menyediakan 40 unit komputer riba ke sekolah-sekolah bagi memberikan pendedahan kepada pelajar untuk mengenali apa itu pengekodan.

Para pelajar akan belajar cara untuk mencipta video muzik atau permainan video menggunakan *Scratch*, program bahasa yang dicipta oleh universiti antarabangsa, *Massachusettes Institute of Technology* (MIT).

Matlamat utama *Code-on-Wheels* adalah untuk menggarap minat pelajar terhadap pengekodan yang kemudiannya akan menjadi sebahagian hobi bermanfaat, dan PSC bercadang menggandakan usaha tahun hadapan bagi membolehkan lebih banyak sekolah mengenali kaedah pengekodan.



**AKSI sebahagian murid sekolah rendah ketika merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri pada Majlis Pelancaran Code-on-Wheels di sini baru-baru ini.**

## KN cakna sekolah Tamil, sumbang tanah bina kantin baharu

**SUNGAI BAKAP -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan akan terus memartabatkan infrastruktur sekolah-sekolah Tamil di negeri ini, kata Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Atas maksud itu, Ramasamy memberitahu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (HEB) menyumbang sebidang tanah kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Changkat, Nibong Tebal untuk pembinaan kantin baharu.

"Kerajaan Negeri memberi peruntukan setiap tahun sejak 2008 melalui Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil bagi pembangunan sekolah-sekolah berkaitan di Pulau Pinang," katanya pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Kantin Baru SJKT Ladang Changkat di sini baru-baru ini.

Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai dalam pada itu turut memuji inisiatif Persatuan Ibu Bapa Dan Guru-Guru (PIBG) sekolah berkenaan kerana berusaha merealisasikan projek pembinaan infrastruktur tersebut.

Tambahnya, pentadbiran Ketua Menteri sejak beberapa tahun lepas lagi acap kali mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat menyumbang sebidang tanah untuk Kerajaan Persekutuan membina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil pertama negara di negeri ini, namun seakan diabaikan oleh pentadbiran Putrajaya.



**PROF. Dr. P. Ramasamy (berdiri, kanan sekali) ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Kantin Baru SJKT Ladang Changkat di sini baru-baru ini.**



# Rakyat rasai hasil penjimatan, peningkatan hasil negeri



JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih merah) dan Mohd. Yussof Latiff (berkemeja kuning) beramah-mesra dengan sebahagian pelajar pelajar Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang dan Ramakrishna Ashrama pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

**DATUK KERAMAT –** Sejak 2010 hingga 2017, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang membelanjakan sejumlah RM216 juta bagi pelaksanaan beberapa Program Emas di negeri ini.

Antara program-program Emas terbabit ialah Warga Emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), Pelajar Emas, Anak Emas, Ibu Emas serta bayaran khairat kematian.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, daripada jumlah tersebut, seramai 1,783,242 juta rakyat Pulau Pinang telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program berkaitan di negeri ini.

"Daripada penjimatan dan peningkatan hasil yang diperoleh sejak Kerajaan Negeri mengambil alih pentadbiran pada tahun 2008, kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) mampu menyalurkan kembali wang ini kepada rakyat.

"Program-program Emas ini adalah teras pentadbiran negeri Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pelajar Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut menyaksikan pemberian wang RM100 kepada 13 pelajar dari Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang (WYPIPP) dan Ramakrishna Ashrama (15).

Hadir sama, Yang di-Pertua Persekutuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Pulau Pinang, Tan Sri Datuk Seri Mohd. Yussof Latiff.

Pada majlis tersebut, Jagdeep turut menyatakan komitmen beliau untuk terus menyalurkan bantuan terhadap keperluan kedua-dua persatuan kebajikan berkenaan yang terletak di dalam Kawasan Dewan Undangan Negerinya (KADUN).

"Saya akan terus memberikan peruntukan dan memudahkan cara apa sahaja keperluan yang boleh selagi mampu. Malah, saya berniat untuk menjadi bapa angkat kepada kedua-dua wisma yatim ini," jelas beliau.

# Manfaat TPM80PP, Taman Sri Timur dapat tangki air baharu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**AIR ITAM -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP) meluluskan RM107,000 untuk menukar tangki baharu dan membaiki sistem perpaipan di pangsapuri Taman Sri Timur dekat Lorong Rambutan 3 di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Wong Hon Wai berkata, daripada jumlah tersebut, badan pengurusan bersama (JMB) Taman Sri Timur bakal membiayai baki 20 peratus kos projek iaitu RM26,000.

"Skim ini memperuntuk 80 peratus dana Kerajaan Negeri dan 20 peratus dana JMB Taman Sri Timur... taman ini mempunyai 44 unit rumah kos sederhana rendah (LMC), maka ianya layak mendapat skim TPM80PP.

"Pelaksanaan projek ini adalah hasil permohonan penduduk setempat dan ia dijangka siap pada awal September ini," katanya ketika mengadakan lawatan kerja-kerja menaik taraf penggantian dua unit tangki pangsapuri Taman Sri Timur.

Hadir sama, Pengerusi JMB Taman Sri Timur, Alice Foo dan mantan Pengerusi JMB, Rahmathulla Abdul Razak merangkap individu yang bertanggungjawab membuat permohonan kepada Hon Wai tahun lalu.

Menurut Rahmathulla, tangki sedia ada sudah berusia 24 tahun dan tidak pernah ditukar sejak pangsapuri berkenaan dibina.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat (Hon Wai) kerana usaha beliau, Taman Sri Timur bakal mendapat tangki air baharu yang lebih sempurna dan tidak akan berdepan dengan masalah kebocoran lagi," ujarnya.



WONG Hon Wai (dua dari kiri) menyampaikan injap saluran pam air kepada Alice Foo (kanan sekali) sambil diperhatikan Rahmathulla Abdul Razak (dua dari kanan) di sini baru-baru ini.




MAMMO PENANG
'Sayangi Wanita Pulau Pinang'

**Jadual Mammo Penang 2017**

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Sept. | 2 | Hari Raya Haji | | 3 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 9 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir | 10 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 16 | Malaysia Day | | 17 | | |
| | 23 | Bayan Lepas | Machang Bubok | 24 | Batu Uban | Pinang Tunggal |
| | 30 | Komtar | Pmtg Berangan | 1 | Bagan Dalam | Sungai Dua |
| Okt. | 7 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 8 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 14 | Teluk Bahang | Penaga | 15 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |
| | 21 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 22 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 28 | Padang Kota | Bukit Tambun | 29 | Batu Maung | Perai |
| Nov. | 4 | Air Putih | Bagan Jermal | 5 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 11 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 12 | Pulau Betong | Berapit |
| | 18 | Pulau Tikus | Jawi | 19 | Dato Keramat | Bertam |
| | 25 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 26 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |

# Pusat diseru jelas sumbangan peruntukan Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Persekutuan digesa menjelaskan punca pemberhentian dana sumbangan kepada Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang sejak Mei 2016.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, nisbah peruntukan yang diterima adalah 1:10 daripada RM30,000 iaitu kos keseluruhan perbelanjaan bulanan sekolah berkenaan.

"(Pemberhentian) ia menjadi tanda tanya, ke manakah duit ini dibelanjakan? Geran dan wang yang selama ini diberi kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tapi dihentikan.

"Bukan itu sahaja, selama ini, kanak-kanak di sini mendapat subsidi makanan daripada kerajaan (Persekutuan), pun dihentikan juga.

"Jika dahulu, mereka (kanak-kanak) mendapat peruntukan makanan seimbang, tetapi kini hanya biskut sahaja," katanya selepas merasmikan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta ramah-mesra anjuran pelajar tahun dua *International University Malaya Wales* (IUMW) dengan kerjasama MMK Kesihatan dekat sekolah berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penolong Kanan Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang, Ng Lai Peng, Wan Mohd. Azfar Wan Mohd. Zin (Pensyarah IUMW) dan Affiziy Zariel Abd. Halim (Pengarah Projek CSR IUMW).

Menempatkan 85 pelajar dan 18 kakitangan, sekolah yang ditubuhkan pada tahun 1967 itu dibiayai hasil daripada sumbangan serta bantuan orang ramai.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu bahawa pihaknya telah berbincang dan memohon agar pihak pengurusan sekolah membangkitkan hal tersebut di peringkat Kerajaan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan melihat bagaimana cara untuk membantu masalah ini.

"Namun, pada masa sama, Kerajaan Persekutuan perlu jelaskan mengapa peruntukan ini dihentikan salurannya kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti ini, dan saya percaya pusat ini bukanlah pertubuhan pertama yang menghadapinya, mungkin banyak juga NGO-NGO lain yang turut dihentikan sumbangan," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Mengulas lanjut, kata Afif, walaupun kos yang diterima hanyalah 1:10, tetapi jumlah tersebut dapat memberikan manfaat kepada kanak-kanak di sini, terutamanya dari segi elaun dan peruntukan bulanan untuk mereka.

Justeru, beliau menggesa orang ramai yang ingin memberikan sumbangan agar terus merujuk dan berurusan dengan pihak pentadbiran sekolah berkenaan.



**DR. Afif Bahardin (berkemeja batik ungu), barisan penganjur bergambar kenangan bersama-sama pelajar serta kakitangan pentadbiran Sekolah Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang sempena penganjuran program CSR dan ramah-mesra di sini baru-baru ini.**


TAMAN BERTAM RIA
KEPALA BATAS , PENANG

HAK MILIK KEKAL

5% Diskaun untuk Bumiputera






Keluasan Tanah: 223mps (min) 329mps (mak)
Harga: RM548,000 (min) RM639,000 (mak)
Keluasan Binaan: 178mps (min) 178mps (mak)

RUMAH BERKEMBAR - (2 TINGKAT)
24 Unit - (Plot 1 - 24)

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang***
*Tel: 04-6505 242/6505 244 • Fax: 04-2622 904*

Pemaju
**BILLION SITE SDN BHD** (610852-P)
No. 36-G, Jalan Kampung Gajah, Seksyen 2, Taman Bagan Jermal, 12200 Butterworth, Penang
Tel: **604-310 3222 / 604-310 3223** • Faks: **604-3103221** • E-Mel: fengfatt@gmail.com

No. Lesen Pemaju: 12187-2/04-2019/0256(L) • Tempoh Sah: 07/04/2017 - 06/04/2019
No. Permit Iklan & Jualan: 12187-2/04-2019/0256(P) • Tempoh Sah: 07/04/2017 - 06/04/2019
No. Pelan Susuratur: Bil. (59A) dlm MPSP/70/39-6/98. • Tarikh Dijangka Siap: Jun 2019
Jenis Perumahan: Rumah Berkembar 2 Tingkat • Pihak Berkuasa yang meluluskan: MPSP
Hakmilik Tanah: Pegangan Bebas • Jumlah Unit: 24 unit

# Terima kasih sebab bantu - Rohani



ZAIRIL Khir Johari (barisan belakang, tengah), Chris Lee Chun Kit (barisan belakang, kanan sekali) dan Syerleena Abdul Rashid bergambar kenangan bersama-sama sebahagian kanak-kanak ketika program turun padang di Kampung Mutiara baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**WALAUPUN** berat hati, tapi kebanyakan daripada penduduk Kampung Mutiara di Batu Feringghi kini redha dan menerima hakikat bahawa mereka terpaksa mengosongkan kampung tersebut dalam tempoh tiga bulan sepertimana persetujuan yang dicapai di antara pihak Kerajaan Negeri, tuan tanah dan wakil penduduk baru-baru ini.

"Kami terpaksa akur, walaupun sedih tiada langsung pampasan yang diberikan oleh tuan tanah," kata penduduk Kampung Mutiara, **HISYAMUDIN SAID**, 55, selepas diarah mengosongkan tanah dalam tempoh tiga bulan oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 31 Julai lalu.

Isteri beliau, **CHE MELUR OSMAN**, 51, yang merupakan penduduk asal tersebut menyatakan bahawa mereka sekeluarga tidak mempunyai pilihan lain walaupun kampung tersebut sangat bersejarah buat dirinya kerana dilahir dan dibesarkan di situ.

"Majoriti penduduk sememangnya lahir dan membesar di sini. Malah, tok dan nenek juga dikuburkan di sini.

"Kami tunggu rumah (sementara) yang mereka kata nak bagi...," ujarnya ketika ditemui di program turun padang bersama-sama Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari ke kampung berkenaan baru-baru ini.

Turut serta Ahli-ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit dan Syerleena Abdul Rashid.

Pada 5 Ogos lalu, ketika menyertai program berkenaan, wakil Buletin Mutiara berpeluang mendekati beberapa penduduk untuk bertanyakan perkembangan mereka selepas kemelut yang melanda kampung berkenaan dan berlanjutan sejak tahun 2007.



HISYAMUDIN Said dan isterinya, Che Melur Osman.

Menurut Che Melur, penduduk kampung tersebut kebanyakannya adalah penduduk asal yang menetap di atas tanah sebuah hotel terkemuka di sini kini, sebelum dipindahkan ke Kampung Mutiara ekoran tanah tersebut dibangunkan sebagai sektor perhotelan.

Difahamkan, seramai 70 penduduk Kampung Mutiara akan ditempatkan sementara di Sri Tanjung Pinang, Tanjung Tokong, sebelum berkemungkinan ditempatkan semula di tapak asal kampung tersebut selepas projek pembangunan selesai kelak.

Bagi **ROHANI JAAFAR**, 64, yang telah menetap di kampung tersebut semenjak 40 tahun lalu memberitahu, beliau menyambut baik tawaran penempatan sementara yang diberikan.

Rohani yang lebih selesa membahasakan dirinya sebagai makcik mengucapkan terima kasih di atas inisiatif Kerajaan Negeri menyediakan penempatan sementara buat penduduk.

"Makcik harap dapat rumah saja untuk tinggal... makcik tak minta duit.

"Harap mereka buat yang terbaik untuk penduduk, gantikan rumah... tak kisah kat mana saja asalkan boleh tinggal. Terima kasih sebab bantu," ujarnya yang telah kematian suami tahun lalu.

Rohani kini menetap di Kampung Mutiara bersama-sama dua anak lelakinya yang masing-masingnya merupakan pengayuh beca dan Pekerja Am di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

*Sambungan di muka 25.*



ROHANI Jaafar.

## FAKTA
### KAMPUNG MUTIARA

1. Tanah dijual kepada pemilik swasta ketika zaman Barisan Nasional tahun 1994.
2. Pemilik swasta ingin mengosongkan tanah dan memulakan tindakan mahkamah sekitar tahun 2007.
3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menghentikan pengusiran dan memberi amaran bahawa sebarang permohonan untuk pemajuan akan ditolak jika tuntutan penduduk tidak dipenuhi.
4. Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari mengadakan rundingan berkali-kali dengan pemilik swasta bagi pihak penduduk kampung.
5. Pada 10.07.2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengeluarkan notis pengambilan tanah mengikut Seksyen 4A Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk membeli tanah tersebut daripada pemilik.
6. Pihak mahkamah menolak notis Kerajaan Negeri dan memberi arahan untuk pengusiran.
7. Kerajaan Negeri dengan kerjasama JKKK Batu Feringghi, NGO dan parti politik, termasuk UMNO Bukit Bendera, berjaya menghentikan pengusiran penduduk Kampung Mutiara pada 31.07.2017.

Usaha sama secara profesional tanpa bermain politik oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan UMNO Bukit Bendera telah menyelamatkan penduduk Kampung Mutiara dari pengusiran.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohd. Rizal Abd. Hamid<br>rizalhamid.ppksa@gmail.com | 012 - 424 3878 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 012 - 445 1767 | - Muazah |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 012 - 505 1334 | - Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | : 016 - 412 8588 | - Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | : 012 - 475 4326 | - Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | - Nurafiqah<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 383 9131 | - Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 013 - 580 2547 | - Mohd. Izzuan |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 010 - 811 7300 | - Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Nayim |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 231 0806 | - Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 464 3004 | - Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Jun - Okt. 2017




15hb Jun - 15hb Oktober
***Pesta Durian***
Anjung Indah, Balik Pulau


### BULETIN MUTIARA
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Phone : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

**EDITORIAL**

**Editor**
Victor Seow (English)
G. Revatic (Tamil)

**Writer**
Chan Lilian, Danny Ooi, M. Tanushalini, S. Arulldas (English)
Shum Jian Wei, Chris Koay, Tan Swee Peng,
Wong Boon Foei, Cheah Lay Ping (Chinese)
J. Patmavathy(Tamil)

**Photographers :**
Law Suun Ting, Alissala Thian,
Ahmad Adil Muhamad and Darwina Mohd. Daud

**Graphic Designers :**
Idzham Ahmad and Loo Mei Fern

# Harap projek naik taraf hospital, klinik kesihatan Pulau Pinang yang dijanjikan tidak lewat – Guan Eng

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap agar projek-projek menaik taraf hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan di Pulau Pinang seperti dijanjikan Kementerian Kesihatan (KKM) dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Guan Eng melalui satu kenyataan bertarikh 10 Ogos lalu berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam bahawa pihak kementerian tidak pernah lewat semasa melaksanakan projek-projek pembesaran hospital sedia ada, mahupun membina hospital atau klinik kesihatan baru di Pulau Pinang.

"Pihak Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa Datuk Seri Dr. S. Subramaniam memegang janjinya.

"Kerajaan Negeri juga berharap agar pihak kementerian tidak akan memungkiri janji dan melaksanakan projek-projek bernilai RM1,005 juta tersebut secepat mungkin dan sekiranya boleh pada tahun ini juga," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan di sini.

Berikut adalah jawapan Menteri Kesihatan kepada soalan lisan Dewan Rakyat Guan Eng pada 31 Julai 2017:

**SOALAN : 60**
**YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang jumlah dan nilai projek-projek pembesaran Hospital Besar Pulau Pinang, Bukit Mertajam, Seberang Jaya dan Balik Pulau serta klinik-klinik kesihatan di Pulau Pinang, dan mengapa sehingga kini ia tidak diluluskan untuk menangani kesesakan. Adakah pemberian ubat dilambatkan dalam kaedah baru?

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah RMK-11, bagi Hospital Pulau Pinang (HPP), terdapat satu (1) projek naik taraf sedang dilaksanakan dengan kos RM13.99 juta dan terdapat empat buah lagi projek yang sedang dirancang iaitu Menaik Taraf Perkhidmatan Transplan HPP (RM6 juta), Blok Wanita dan Kanak-kanak HPP (RM296.9 juta), kerja awalan Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital HPP (RM20 juta) dan Kuarters HPP (RM75 juta).

Bagi Hospital Seberang Jaya (HSJ), terdapat dua (2) buah projek pembangunan yang sedang berjalan iaitu Projek Naik Taraf HSJ (RM17.8 juta) dan Multistorey Block HSJ (RM486.2 juta).

Kementerian ini turut ingin memaklumkan bahawa Projek Naik Taraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar, Hospital Balik Pulau (RM22.5 juta) telah dibuat tawaran tender pada 15 Mei 2017 dan SST akan dijangka dapat dikeluarkan pada bulan September 2017. Hospital Bukit Mertajam pula akan dilaksanakan projek menaik taraf sistem penghawa dingin berpusat di dewan bedah dan sistem bekalan elektrik yang melibatkan kos RM7 juta.

Manakala bagi projek pembinaan klinik kesihatan di Pulau Pinang, KKM telah meluluskan pelaksanaan dua (2) buah projek iaitu Klinik Kesihatan (jenis 2) Bandar PERDA, Seberang Perai Tengah dengan kos RM30 juta dan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Air Putih, Barat Daya dengan kos RM30 juta.

Bagi perkara berkenaan kelewatan dalam pemberian ubat dilambatkan dalam kaedah baru, dimaklumkan Kementerian ini tidak membuat sebarang perubahan ke atas prosedur pemberian ubat kepada pesakit di fasiliti farmasi KKM.

| Fasiliti | Projek | Nilai (RM juta) |
|---|---|---|
| Hospital Pulau Pinang (HPP) | Projek naik taraf (sedang dilaksanakan) | 13.99 |
| | Naik taraf perkhidmatan transplan | 6 |
| | Naik taraf blok wanita dan kanak-kanak | 296.9 |
| | Kerja awalan blok klinik pakar dan wad hospital | 20 |
| | Kuarters | 75 |
| Hospital Seberang Jaya (HSJ) | Projek naik taraf (sedang dilaksanakan) | 17.8 |
| | Multi-storey block (sedang dilaksanakan) | 486.2 |
| Hospital Balik Pulau | Projek naik taraf Jabatan Kecemasana dan Pesakit Luar (telah dibuat tawaran tender pada 15 Mei 2017 dan SST akan keluar pada September 2017) | 22.5 |
| Hospital Bukit Mertajam | Projek naik taraf sistem penghawa dingin berpusat di dewan bedah dan sistem bekalan elektrik | 7 |
| Klinik Kesihatan | Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandar PERDA, Seberang Perai Tengah | 30 |
| | Klinik Kesihatan (Jenis 3) Air Putih, Barat Daya | 30 |
| | **JUMLAH** | **1,005.39** |

# Kecemerlangan pentadbiran, Kerajaan Negeri kongsi ilmu bersama-sama anak muda Kelantan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada 2008, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menggariskan dua aspirasi utama Pulau Pinang, iaitu untuk menjadi sebuah negeri keusahawanan serta berkebajikan.

Katanya, Kerajaan Negeri membelanjakan kira-kira RM412 juta dalam tempoh lapan tahun untuk menjayakan program-program kebajikan seperti Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang bertujuan membasmi kemiskinan, program Anak Emas, Pelajar Emas, Ibu Emas dan lain-lain.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) memberi insentif kepada pemandu teksi berjumlah RM600 setahun, RM1,200 kepada penarik beca (setahun) dan RM1,000 kepada pelajar yang masuk ke universiti, malah, bagi universiti di Sabah dan Sarawak, kita (Kerajaan Negeri) sumbang RM1,200 secara *one-off*.

"Bagi hal ehwal agama Islam, kita (Kerajaan Negeri) naikkan peruntukan sebanyak 84 peratus dari RM250 juta hingga RM457 juta untuk tempoh tahun 2008 hingga 2016 berbanding sebelum (1999 – 2007). Jadi kalau dibandingkan dengan zaman Barisan Nasional (BN) dulu, memang banyak berbeza.

"Namun, kita (Kerajaan Negeri) sering dituduh sebagai anti-Islam, anti-Melayu dan sebagainya. Tetapi, di sebelah lain, kita (Kerajaan Negeri) dituduh anti-Cina, anti-India... kita (Kerajaan Negeri) tidak anti sesiapa, kita cuma anti rasuah sahaja," tegas Guan Eng ketika menerima kunjungan delegasi anak-anak muda Kelantan di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama delegasi anak-anak muda dari Kelantan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Young Syefura Othman dan ketua delegasi, Mohd. Fauzi Mohd. Azmi.

Guan Eng dalam pada itu turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri mengambil serius berhubung isu pengurusan sisa pepejal dan pengurusan air.

"Kita perlu tegas kepada kontraktor-kontraktor yang mendapat tender kutipan sampah, sekiranya mereka tidak melakukan tugas dengan betul, kita tidak teragak-agak untuk menamatkan kontrak mereka.

"Air pun sama penting, ada negeri hujan lebih banyak daripada Pulau Pinang, tetapi masih ada catuan air. Bahkan, air di sana lagi mahal daripada Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak ada apa-apa rahsia, tiada senjata ajaib, kita (Kerajaan Negeri) hanya bergantung kepada pengurusan yang Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT). Itu yang kita (Kerajaan Negeri) jalankan, dan ianya bermanfaat kepada rakyat.

"Dan, antara kejayaan terbesar Kerajaan Negeri selama lapan tahun termasuk menghapuskan hutang sebanyak 90 peratus sehingga RM68 juta, dan mengumpul aset negeri berjumlah RM1.8 bilion," jelasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Fauzi berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri yang sudi menerima kunjungan delegasinya yang mengadakan lawatan ke negeri ini selama tiga hari iaitu dari 14 hingga 16 Ogos 2017.

"Fokus kami adalah menimba ilmu tentang pengurusan Kerajaan Negeri, terutamanya dalam pengurusan air di Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan pengurusan sampah oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Jadi, kita akan balik dan suarakan apa yang dipelajari di sini untuk menambah baik sistem di Kelantan, jika kita hendak kritik pun biarlah kritik beserta idea, dan bukannya cakap kosong semata-mata," ujarnya.

# 8 sebab kenapa Pulau Pinang tidak perlu diminta untuk membayar caj air – Jaseni

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Tiada asas undang-undang, sejarah mahupun geografi bagi Kedah untuk mendakwa bahawa negeri itu kehilangan pendapatan kerana gagal mengenakan caj air mentah kepada Pulau Pinang ekoran pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Dato' Ir. Jaseni Maidinsa melalui kenyataan akhbarnya bertarikh 12 Ogos lalu sebagai memetik berkata, beberapa akhbar dan media dalam talian menerbitkan laporan berita Laporan Ketua Audit Negara 2016 – Kedah Siri 1 sebagai menyatakan 'bayaran air yang tidak dikenakan menyebabkan Kerajaan Negeri Kedah hilang pendapatan'.

"Ternyata tuntutan Kedah adalah berdasarkan hujah bahawa Sungai Muda terletak hanya di Kedah seperti yang dinyatakan dalam laporan tersebut (Laporan Ketua Audit Negara).

"Hujah yang menyatakan Sungai Muda terletak secara eksklusif di Kedah adalah tidak tepat.

"Sejarah, Memorandum Persefahaman (MoU), Undang-undang Persekutuan, Enakmen Negeri Pulau Pinang dan Kedah dan geografi menunjukkan fakta bahawa Sungai Muda mengalir secara semula jadi melalui negeri Pulau Pinang.

"Pulau Pinang bersetuju dengan persempadanan semula dengan Kedah dan menyerahkan sebahagian wilayah Kedah sebagai pertukaran untuk 'jaminan air' pada 16 Oktober 1985 yang mencadangkan Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 (Akta 325) diluluskan.

"(Malah) Kedah menerima tanah itu dan menyediakan 'jaminan air' untuk memudahkan pinjaman Bank Pembangunan Asia (ADB) yang diatur oleh Kerajaan Persekutuan untuk Skim Air Sungai Muda.

"(Dan) sehingga hari ini, peta Malaysia menggambarkan sempadan antara Pulau Pinang dan Kedah adalah di tengah-tengah Sungai Muda," ujarnya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad (PBAHB) di sini.

Tegas Jaseni, pihaknya akan tetap dengan hak ripariannya untuk abstrak air dari Sungai muda dalam wilayah Pulau Pinang tanpa caj.

"Kedah tidak boleh mendakwa mengalami kerugian kerana gagal mengenakan caj ke atas Pulau Pinang.

"Daripada cuba menuntut tuntutan yang tidak wujud, Kedah harus menghentikan pembalakan di Ulu Muda dan mendapatkan pampasan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mewartakan dan memelihara 163,000 hektar hutan sebagai Tadahan Air Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) bagi manfaat 4.09 juta penduduk di Perlis, Pulau Pinang dan Kedah (anggaran Jabatan Perangkaan, *statistics.gov.my*) .



IR. Jaseni Maidinsa.

Berikut adalah lapan sebab kenapa Pulau Pinang tidak perlu diminta untuk membayar caj air yang disenaraikan dalam kenyataan Jaseni:

**1.** Skim Air Sungai Muda telah dibuka secara rasminya oleh Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, pada 9 November 1973.

Semasa upacara pembukaan tahun 1973, tidak ada menyebut mengenai caj air mentah. Juga, tiada apa-apa caj disebut dalam MoU 1985, Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 (Akta 325), dan Enakmen Negeri 4 Julai 1985.

Ini menunjukkan bahawa tiada niat untuk apa-apa caj air mentah yang akan dikenakan, dan oleh itu, tiada caj dikenakan pada hari ini.

**2.** Pulau Pinang mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di wilayahnya sendiri. Ia tidak mengabstrak air mentah di wilayah Kedah. Oleh itu, Pulau Pinang tetap dengan "hak ripariannya" (hak air) untuk mengabstrak air dari Sungai Muda tanpa caj.

**3.** Pulau Pinang mengabstrak air mentah dari Sungai Muda dengan sumber dan kos sendiri. Abstraksi oleh Pulau Pinang tidak menjejaskan Kedah satu "sen" pun. Oleh kerana tiada kos yang terlibat, maka tiada sebarang caj dikenakan.

**4.** Sungai Muda adalah sungai yang mengalir secara semula jadi ke laut. Johor mengenakan caj kepada Melaka untuk mengepam air mentah ke Melaka, tetapi Kedah tidak mengepam air mentah ke Pulau Pinang. Dengan sendirinya, secara semula jadi air mentah dari Sungai Muda sampai ke Pulau Pinang.

**5.** Pulau Pinang mengabstrak air "di hilir" loji rawatan air Kedah dan muka sauk pengairan. Kedah telah membina empangan untuk melepaskan air ke Sungai Muda semasa musim kemarau tetapi tujuan utama rizab Empangan Beris dan Empangan Muda adalah untuk abstraksi oleh Kedah.

Dengan kata lain, Pulau Pinang mengambil "air lebihan" yang jika tidak, ia hanya mengalir ke Selat Melaka.

**6.** Pengambilan air mentah Pulau Pinang dari Sungai Muda ketika musim hujan membantu mengelak atau mengurangkan banjir di wilayah selatan Kedah.

**7.** Sejak tahun 1973, Pulau Pinang telah mengabstrak air mentah dari Sungai Muda selama kira-kira 44 tahun tanpa caj. Tiada alasan untuk dikenakan caj "tiba-tiba" hari ini kerana pengambilan Pulau Pinang tidak:

- Menjejaskan abstraksi Kedah sendiri di hulu sungai;
- Tiada sebarang kos ditanggung oleh Kedah; atau
- Melanggar, atau menjejaskan, hak Kedah untuk mengabstrak air dari Sungai Muda.

**8.** Kedah terus memberi lesen pembalakan di kawasan tadahan Ulu Muda yang mengumpul air hujan bagi Sungai Muda dan sistem air mentah lain di NCER.

Pembalakan menjejaskan kuantiti dan kualiti air di Sungai Muda, dan harus diharamkan sepenuhnya di kawasan tadahan air yang merangkumi 163,000 ha kawasan hutan. Sepatutnya, Ulu Muda perlu dipulihara dan diwartakan sebagai Tadahan Air NCER.

Kedah perlu mendapatkan pampasan persekutuan (sebagai ganti premium hutan) daripada Kerajaan Persekutuan kerana Ulu Muda berfungsi sebagai tadahan air untuk tiga negeri NCER: Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

# Perobohan struktur haram, Kerajaan Negeri tidak amal diskriminasi, hanya laksanakan dasar – KM

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa sebarang tindakan penguatkuasaan membabitkan perobohan struktur mahupun premis haram di negeri ini bukan suatu tindakan diskriminasi, sebaliknya hanya melaksanakan dasar yang telah termaktub.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata, semua struktur atau premis haram yang dibina sebelum 8 Mac 2008 tidak akan dirobohkan sewenang-wenangnya, sebaliknya Kerajaan Negeri akan mencari penyelesaian terbaik termasuk tindakan pemutihan.

"Dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri hari ini adalah semua struktur yang diwarisi daripada Kerajaan Barisan Nasional (BN) dahulu akan dikekalkan, dan ia tertakluk kepada dua syarat iaitu struktur terbabit tidak mengganggu kepentingan awam dan tidak menghalang laluan trafik.

"Sekiranya kedua-dua syarat ini tidak dipatuhi, maka tindakan penguatkuasaan iaitu perobohan akan diambil terhadap struktur atau premis tersebut.

"(Dan) sekiranya struktur tersebut dibina selepas tahun 2008, maka tidak ada masalah untuk tindakan perobohan," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mempersoalkan pendirian BN berhubung dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini.

"Adakah mereka (BN) setuju dengan dasar Kerajaan Negeri ini dan sekiranya mereka (BN) tidak bersetuju, adakah mereka sedia bertanggungjawab jika Kerajaan Negeri mengambil tindakan perobohan terhadap struktur atau premis mahupun kilang haram yang melibatkan puluhan ribu ringgit. Apakah kedudukan mereka (BN)?," soalnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng tidak menafikan bahawa ekoran tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Kerajaan Negeri, banyak pihak yang mempersoalkannya.

"Umum perlu dimaklumkan, sama ada struktur yang dirobohkan itu adalah sebelum ataupun selepas tahun 2008, jadi tidak akan timbul persoalan kenapa premis ini dirobohkan dan kenapa tidak premis lain.

"Contohnya, kilang di Sungai Lembu, ia dibina sebelum tahun 2008 dan saya tidak nafikan terdapat kesan negatif terhadap penduduk.

"(Dan) bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin meminta maaf atas dasar yang kita (Kerajaan Negeri) laksanakan.

"Begitu juga terhadap penjaja atau pemilik yang tidak berpuas hati apabila tindakan perobohan diambil kerana kita (Kerajaan Negeri) perlu melaksanakan dasar yang ditetapkan secara konsisten.

"Saya ulangi, Kerajaan Negeri tidak amalkan diskriminasi terhadap mana-mana pihak sebaliknya hanya melaksanakan dasar yang telah ditetapkan," jelas beliau.

# Bengkel Pertama "Matlamat Pembangunan Lestari"

**PERBADANAN PEMBANGUNAN WANITA PULAU PINANG** (PWDC) berasa bangga dengan penganjuran bengkel 2 hari tentang Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) dengan tujuan untuk menimbulkan perhatian pihak berkepentingan negeri Pulau Pinang supaya lebih memahami perubahan global dalam Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh itu, PWDC telah mengambil inisiatif untuk melancarkan secara rasmi satu siri bengkel dengan objektif untuk memupuk kesedaran dan pemahaman konsep dan pengetahuan tentang SDGs dan bagaimana ia dapat diwujudkan pada peringkat negeri dan kerajaan tempatan supaya penduduk tidak ketinggalan atau dipinggirkan, baik anak gadis, lelaki, wanita maupun lelaki.



ANTARA peserta bengkel yang mengambil bahagian.



CHONG Eng.

Semasa upacara perasmian bengkel ini, Chong Eng, EXCO Belia dan Sukan serta Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PWDC, telah mengatakan bahawa, "Saya berasa bangga untuk menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia untuk mengambil usaha untuk menganjurkan bengkel ini. Ini kerana kita ingin merangka rancangan semasa dan masa depan kita untuk menepati sasaran-sasaran antarabangsa dan menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri lestari. Bengkel SDG ini menandakan langkah pertama kecil tetapi bermakna ke arah mencapai matlamat-matlamat holistik yang sangat penting untuk negeri dan penduduk kita. Ini selaras dengan tema Negeri Pulau Pinang memimpin."

Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 17 SDG ini mencakupi satu spektrum dimensi yang luas dalam kehidupan harian kita seperti air bersih, tenaga bersih dan berkemampuan diperoleh, pendidikan berkualiti, pekerjaan baik dan pertumbuhan ekonomi, komuniti dan bandaraya yang lestari, tindakan cuaca, dan masyarakat yang aman dan inklusif. Walau bagaimanapun, satu matlamat yang sangat menonjolkan ialah Matlamat Nombor 5 iaitu mencapai kesaksamaan gender dan memberdayakan wanita dan anak gadis. Matlamat Nombor 5 juga merupakan sebahagian daripada semua matlamat lain dan bertujuan mengiktirafkan saksamaan dan pemberdayaan wanita sebagai salah satu objektif, serta mampu membantu menyelesaikan masalah dalam mencapai semua matlamat.

Selanjutnya Chong Eng menegaskan bahawa. "Kesaksamaan gender termaktub dalam semua matlamat SDG dan kita ingin membuat saranan kepada pihak kerajaan negeri dan kerajaan tempatan yang akrab dengan masyarakat untuk memastikan semua dasar, program, dan amalan mengambil kira perspektif gender."

PWDC berkomited untuk menyokong dan membantu kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dalam melaksanakan amalan dan tindakan terbaik supaya kerajaan dapat berhubung dengan komuniti dalam mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial.

# Sertai Tenaga Kerja Dalam Talian

**PERBADANAN** Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) akan menganjurkan satu siri bengkel Program eRezeki di Seberang Jaya dan Bayan Lepas pada bulan September dan Oktober tahun ini

Program eRezeki adalah inisiatif oleh pihak kerajaan Malaysia untuk membantu rakyat Malaysia mempelajari kemahiran baharu dan menghubungkan mereka dengan peluang pekerjaan secara digital. Bengkel ini menyasarkan 100 orang peserta daripada komuniti Pulau Pinang dan memperkenalkan mereka kepada akses tenaga kerja dalam talian untuk menjana pendapatan tambahan.

Sebahagian daripada usaha PWDC untuk merealisasikan visi kami untuk satu Pulau Pinang yang menegakkan prinsip-prinsip kesaksamaan substantif dalam kalangan wanita dan lelaki, urus tadbir yang baik dan keadilan sosial, adalah dengan membolehkan lebih banyak wanita daripada masyarakat Pulau Pinang melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Melalui siri bengkel ini, peserta akan dibimbing untuk membuat profil mereka dan menggunakan profil tersebut untuk mencari peluang pekerjaan yang sepadan dengan kemahiran yang dimilik oleh mereka. Mereka akan dapat menjana pendapatan daripada setiap tugasan yang berjaya di lengkapkan.

Rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas dari keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000, mempunyai pengetahuan asas ICT dan mempunyai akses kepada internet adalah digalakkan untuk menyertai bengkel ini. Pendaftaran adalah percuma dan tempatnya terhad kepada 100 orang peserta sahaja. Pendaftaran boleh dilakukan secara dalam talian di *https://www.facebook.com/PWDCMalaysia/*. Sebarang pertanyaan, sila hubungi nombor telefon 04-2612835 atau emel ke *info@pwdc.org.my*




**PWDC** telah dikunjungi oleh sekumpulan anak kelahiran Pulau Pinang yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di Universiti Acheh, Indonesia dalam bidang Syariah, Usuluddin dan Dakwah. Seorang pelajar daripada bidang nutrisi dan seorang lagi daripada bidang perakaunan dari Univeristi Kebangsaan Malaysia. Seramai enam orang pelajar wanita bersama-sama empat orang pelajar lelaki telah membuat kunjungan pertemuan bersama PWDC, yang telah diaturkan oleh PYDC.

Sesi mengenali PWDC bermula dengan mengetahui tanggapan mereka terhadap PWDC, dan antara respons yang diterima adalah, "PWDC berkaitan dengan kesedaran hak-hak wanita, perlindungan, kebajikan, kesihatan wanita, perniagaan, feminisme, kepimpinan dan keberanian". Sesi bermula dengan suai kenal serta pendedahan "Kepekaan gender" yang telah dikendalikan oleh Dr Selva Vathany Pillai, Pengurus Program. Para pelajar telah banyak memberi penilaian pasca latihan bahawa mereka sebelum ini bukan sahaja tidak memahami maksud sebenar kesaksamaan gender tetapi juga akan peri pentingnya pembangunan wanita dan lelaki secara holistik serta kewujudan konsep "*intersectionality*" atau "persilangan kepelbagaian identiti" yang menyebabkan setiap individu berhadapan dengan kekangan serta perbezaan dalam menikmati keistimewaan ataupun mengalami penindasan. Ini banyak mempengaruhi kualiti kehidupan golongan wanita secara khusus dan turut dialami oleh semua golongan termasuk kanak-kanak, lelaki dan warga tua.

Para pelajar yang hadir juga faham akan peranan PWDC dalam mengarusperdanakan gender dalam sistem pentadbiran dan kekayaan sumbangan bakat dalam memajukan negeri Pulau Pinang. Mereka juga faham bahawa istilah feminisme sering kali disalahfahamkan dan dilabel secara negatif. Kemampuan setiap rakyat Malaysia tidak mengira wanita atau lelaki harus dilihat sebagai usahama progresif dalam menerajui keadilan sosial dan menegakkan hak-hak asasi manusia, dan bukan dilihat sebagai satu persaingan antara lelaki dengan wanita. Perwatakan matang dan pemikiran terbuka adalah kritikal dalam membangun rakyat Malaysia yang berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi, berdikari serta kreatif.




peningkatan | kehijauan,kekal | eksklusif

Nikmati Keindahan
Alam Semulajadi

Mont Residence adalah kediaman mewah yang tenang dan disembunyi dari hiruk-pikuk bandar. Bayangkan dijemput oleh udara gunung yang segar dan kicauan burung pada pagi yang nyaman, kehidupan di Mont Residence adalah residensi yang terdekat dengan alam semula jadi tanpa menjejaskan kemudahan dan fleksibiliti kehidupan bandar.

Keluasan Binaan 1183 kps | Harga Minima RM 200,000 | Harga Maksima RM 1,050,000

Diskaun Bumiputera 5% | Unit 473

VST GROUP OF COMPANIES

Pemaju
VISENTAK CAPITAL SDN BHD
Wisma VST, No.37, Jalan Anson, 11400 Penang
T 604-226 4087 F 604-227 8127 www.vstgroup.com.my

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi
012 499 6868 | 016 459 8080

SCAN UNTUK LOKASI


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 1472
Peminjam : HENG GUAN KENG - 68091407****
1A-09-02 PLATINO CONDOMINIUM,
NO. 1 PERSIARAN TUNKU KUDIN
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HENG THENG HEE - 53021571****
16 TINGKAT KURAU 4, CHAI LENG PARK
13700 PRAI
Penjamin 2 : HENG THENG HAI - 61050207****
NO. 18 LORONG SEMBILANG 33,
13700 SEBERANG JAYA , PERAI

No Akaun : 1504
Peminjam : PARIMALA A/P VADIVELLOO - 69091907****
NO 16, JALAN SAUJANA, 1/5 TAMAN SAUJANA
INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MUNIANDY A/L GOVINDASAMY -
62042007****
NO. 8 JALAN KIARA SD 11/3H, BANDAR SRI
DAMANSARA 52200 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NANDAGOBEN A/L SINGARAVELU (G/14040) -
63073107****
IBU PEJABAT POLIS DAERAH KLANG,
JALAN GEDUNG RAJA ABDULLAH
41560 KLANG, SELANGAOR

No Akaun : 1559
Peminjam : ZULKIFLY BIN OTHMAN - 72022507****
NO. 624 PERMATANG RAMBAI,
13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ROBIAH BT CHE MAT - 57021507****
NO. 624 PERMATANG RAMBAI,
13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MAIYAH BINTI OTHMAN - 51051407****
748-C BLOK I TAMAN TUN DR AWANG
13000 BAGAN AJAM, BUTTERWORTH

No Akaun : 1578
Peminjam : SHAMSUDIN BIN HOOSIAN - 72101007****
856 PERSIARAN TKP,
TAMAN KANTAN PERMAI
43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : HARUN BIN HOOSAIN - P59***
12-3-3 SOLOK SG ARA DUA, SUNGAI ARA,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROKIAH BINTI HOOSAIN - 55010171****
12-3-3 SOLOK SG ARA DUA, SUNGAI ARA,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 1602
Peminjam : ABDUL HALIM BIN HUSAIN - 60060807****
NO. 21 JALAN KMP 2B/1, KOTA MALIM PRIMA
35900 TANJUNG MALIM, PERAK
Penjamin 1 : HAMDAN BIN HJ OMAR -
(MENINGGAL DUNIA)
KAMPUNG HELANG BATU, RELAU,
BANDAR BAHARU 34950 KEDAH
Penjamin 2 : AHMAD NIZARUDDIN BIN TAN (RF 75811)
- RF 75***
CAW. KERETA PERONDA (MPV),
IBU PEJABAT POLIS DAERAH HILIR PERAK,
36000 TELUK INTAN, PERAK

No Akaun : 1611
Peminjam : WAN SHAFIZAH BINTI HUSSAIN - 71110607****
301-N JALAN DATO KRAMAT,
GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAHARAH BT MAAROF - 49120807****
KB4-3 FLAT, TAMAN FREE SCHOOL
10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHARIFF ZAINOL BIN SHARIFF HUSSAIN -
62012507****
NO. 301 N KAMPUNG MAKAM,
DATO KRAMAT ROAD 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 1683
Peminjam : FONG YOKE THENG - 70010607****
PLOT 8 ELSIEDALE ESTATE MUKIM 18,
MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIONG CHONG NGAK @
LEONG CHOONG MEN - 45012002****
1-B LINTANG PAYA TERUBONG 5,
11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE THUAN CHEANG - 43121507****
39 SOLOK MINDEN 1, MINDEN GARDENS
RESIDENCE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 1721
Peminjam : OOI CHOK SIEW - 69022407****
17 JALAN PANTAI JERJAK 15,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : FOO KOK YONG - 51051407****
NO.368 JALAN BATU MAUNG
11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHEW LAY - 64122807****
118 B4-9-1 PUTRA PLACE CONDOMINIUM,
PERSIARAN BAYAN INDAH,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 1790
Peminjam : AZIZEE BIN AHMAD - 70101307****
NO 54 MK H SUNGAI BURUNG,
BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ADZHAR BIN AHMAD - T711***
43 LORONG BAGAN LALLANG 15,
TAMAN BAGAN LALLANG
13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ILIAS BIN TAHIR - RF55***
BLOK 13 G-1 , PERMATANG DAMAR LAUT
11900 PULAU PINANG

No Akaun : 1791
Peminjam : MUHAMMAD BIN HASHIM - 72060602****
NO. 31 LORONG ANGGERIK,
TAMAN HARMONI, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : ARABI BIN SULAIMAN - 0667***
NO. 118 LORONG CENGAI BATU,
TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RASHID BIN HJ HASSAN -
45071302****
NO. 129 LORONG CENGAI BATU,
TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 1792
Peminjam : NAZIMAH BINTI MOHAMED MYDIN -
72041807****
2B-4-10 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH
REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MD IQBAR BIN MOHD MADAR -
(MENINGGAL DUNIA)
NO. 6 LINTANG BUKIT KECIL 5, TAMAN SRI
NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD MYDIN BIN MOHAMED - 0577***
2A-03-07 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG
HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 1794
Peminjam : NG BOON SENG - 69070507****
169C PERSIARAN PEGAGA,
BAYU PERDANA,
KLANG 41200 SELANGOR
Penjamin 1 : NG BAK KEE - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 17 TINGKAT SENTOSA
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TEOW MOI SENG - 57052502****
23 JALAN STESEN
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 1805
Peminjam : TEO CHIN WAH - 69110607****
NO. 58-A JALAN RANGOON 10400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHONG WOON KHOON - 53021507****
63A-18-1 JALAN LENGGONG,
11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEO CHIN TONG - 59091107****
42 JALAN 3/17, BANDAR BARU SELAYANG 68100 BATU CAVES, SELANGOR

No Akaun : 1807
Peminjam : LEE CHONG CHAI - 68060707****
NO. 474 MK 4 BATU ITAM, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHOO KEAN BENG - 64062007****
73B-2-1 LEBUHRAYA JELUTONG, CENTRAL PARK,
JELUTONG 10500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN KIM HOE - (MENINGGAL DUNIA)
102-C JALAN BATU GANTUNG, 10450 PULAU PINANG

# Pulau Pinang sumbang 85% jumlah eksport emas, barang kemas Malaysia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Industri emas dan barang kemas di negeri ini telah bermula sejak dua abad lalu, dan Pulau Pinang merupakan penyumbang utama sektor berkaitan di Malaysia.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, eksport emas dan barang kemas bagi Malaysia pada tahun 2016 adalah bernilai RM7.2 bilion.

"Daripada jumlah tersebut (RM7.2 bilion), Pulau Pinang menyumbang sebanyak RM6.1 bilion atau bersamaan 85 peratus.

"Malah, syarikat-syarikat emas di Pulau Pinang juga telah mengekport emas dan barangan kemas ke lebih 20 negara menjadikan produk emas dari Pulau Pinang eksklusif di persada antarabangsa," ucapnya pada Majlis Perasmian Penang Signature Gold Fair 2017 di sini baru-baru ini.



**ANTARA model yang memperagakan koleksi barangan kemas.**

Hadir sama, Datin Seri Utama Tok Puan Datuk Seri Hajah Suzanna Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif Elite Expo Sdn. Bhd., Johnson Lim; Presiden P.W. Gold & Silver Ornament Merchants Association, Chiah Hock Yew; Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Dr. Noraini Ahmad dan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Chuah Ghee Lye.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengumumkan inisiatif yang diambil lima syarikat perkilangan emas dan barangan kemas di bawah *Penang Goldsmith Association* yang melabur RM49.6 juta bagi membangunkan Kluster Emas dan Barangan Kemas di atas tapak berkeluasan 4.2 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS).

"Pelaburan daripada kelima-lima syarikat itu akan mewujudkan 730 peluang pekerjaan baru termasuk pertukangan emas profesional. Ini akan menambahkan bakat pekerja mahir di Pulau Pinang yang kini berjumlah kira-kira 8,000 orang.



**CHIAH Hock Yew (barisan depan, dua dari kiri) menunjukkan kepada Ketua Menteri antara barangan kemas menggunakan teknologi kemasan terkini pada Majlis Perasmian Penang Signature Gold Fair 2017 di sini baru-baru ini.**

"Malah pertumbuhan syarikat dalam industri emas dan barangan kemas di Pulau Pinang turut memberikan suatu lagi rangsangan terhadap penjenamaan '*Powered in Penang*', iaitu Pulau Pinang sebagai suatu negeri keusahawanan yang terus menjadi destinasi pilihan untuk pelaburan yang baik sama ada industri tradisional mahupun perniagaan baharu.

"(Dan) Kerajaan Negeri menerusi agensi seperti *investPenang* (iP) dan PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) akan terus menyediakan kemudahan, promosi dan menyokong pertumbuhan dan perkembangan industri ini (emas dan barangan kemas)," jelasnya.

Difahamkan, *Penang Signature Gold Fair 2017* merupakan satu-satunya pameran yang mengumpulkan pengilang emas dan barangan kemas dari seluruh dunia antaranya China, Dubai, India, Nepal, Thailand dan Taiwan.

Dianjurkan oleh Elite Expo Sdn. Bhd. dan *P.W. Gold & Silver Ornament Merchants Association*, penganjuran *Penang Signature Gold Fair* bakal menjadi medan pameran perniagaan emas dan barangan kemas ulung di Asia Tenggara bertempat di Pulau Pinang.


• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Bengkel pupuk budaya kitar semula kalangan pendidik, pelajar

**MEMUPUK KREATIVITI...** Dalam memupuk kreativiti golongan pendidik dan pelajar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Kitar Semula Barangan Terpakai baru-baru ini.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Foo Kok Beng berkata, bengkel tersebut menfokuskan kepada inisiatif kitar semula barangan seperti kotak minuman untuk dijadikan produk kraftangan.

"Ini merupakan satu inisiatif MBPP dalam memupuk budaya kitar semula dalam kalangan pelajar. Apabila kembali ke sekolah, guru-guru yang hadir boleh memberi tunjuk ajar kepada murid-murid.

"Saya difahamkan sebanyak 105 sekolah menyatakan minat untuk menyertai program ini. Sebagai permulaan, kita (MBPP) menjemput 25 wakil sebagai kelompok pertama dan pendekatan tersebut akan diteruskan dengan kumpulan seterusnya," ucapnya pada penganjuran berkenaan.



**SEBAHAGIAN peserta dan jawatankuasa penganjur yang mengambil bahagian dalam penganjuran Bengkel Kitar Semula Barangan Terpakai di sini baru-baru ini.**




## Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, MBPP giat jalankan sesi taklimat umum

**PANTAI JEREJAK –** Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang mula dilaksanakan sejak tahun lalu diperluaskan melalui penyebaran maklumat secara berperingkat kepada penduduk dan komuniti melalui pelbagai sesi taklimat serta tunjuk ajar.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mubarak Junus berkata, tanggungjawab menjaga kelestarian alam sekitar bukan hanya terletak di bahu pihak berkuasa tempatan (PBT), sebaliknya perlu dipraktikkan oleh semua peringkat masyarakat termasuk amalan mengasingkan sampah.

"**Amalan pengasingan sampah di rumah bukan sahaja memanfaatkan keluarga dan komuniti, malah juga mampu mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burong.**

**"Hanya dengan mengubah cara hidup, luangkan masa seminit sahaja melakukan pengasingan sampah, sebenarnya masyarakat sedang membantu Pulau Pinang dalam usaha menjadikan negeri ini lebih bersih, lebih hijau dan lebih sihat**," ujarnya pada Majlis Taklimat Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di Kondominium Villa Emas di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan pelancaran, Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang.

Turut serta, Pengerusi Pengurusan Bersama (JMB), May Lim dan penduduk setempat.



**AR. Yew Tung Seang (enam dari kanan), Mubarak Junus (tiga dari kanan) dan sebahagian penduduk merakam gambar kenangan selepas meninjau lokasi pusat kitar semula khas Kondominium Villa Emas di sini baru-baru ini.**

# Penerbitan *Penang's SEA Games Gold Medalist* sebagai tanda penghargaan

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) baru-baru ini meluncurkan buku Penang's *SEA Games Gold Medalist 1959 - 2015* sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri terhadap jasa dan sumbangan barisan atlet tanah air ini.

Mengulas lanjut, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng memberitahu, majlis peluncuran tersebut juga adalah bersempena kejohanan Sukan SEA Ke-29 Kuala Lumpur yang berlangsung pada 19 hingga 30 Ogos 2017.



**CHONG Eng dan Frederick Tan Teck An menunjukkan salinan penerbitan berkaitan pada majlis berkaitan.**

Tambah beliau, penerbitan tersebut memuatkan rekod serta jasa sumbangan 74 wira dan wirawati sukan Pulau Pinang membabitkan 19 jenis sukan pada tempoh 1959 hingga 2015.

"Saya berharap para atlet muda yang hadir mengambil peluang keemasan untuk mempelajari sedikit-sebanyak pengalaman, pencapaian dan pengorbanan wira serta wirawati negara di dalam bidang sukan.

"Yang mana cabaran dihadapi atlet pada zaman berkaitan adalah tidak mudah termasuk pada aspek sokongan, malah, pengetahuan tentang sains sukan juga adalah agak terhad (ketika itu)," ucapnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancogan, Danny Law Heng Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Ghazali Derahman; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif; Pengarah MSNPP, Frederick Tan Teck An; Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan MSNPP dan wakil-wakil persatuan sukan lain.



**SEBAHAGIAN atlet negeri dan negara yang pencapaian mereka disemadikan di dalam buku *Penang's SEA Games Gold Medalist 1959 - 2015*.**

Turut serta, bekas atlet negeri yang merupakan penyumbang pingat emas dalam acara masing-masing. Antaranya, Datuk T. Krishnan, PBLS Payadesa, P. Sakthirani (Olahraga); Ong Ewe Hock dan Ong Ewe Chye (Badminton); Oon Phei San (Bola Keranjang); Jelani Wilastra (Bola Sepak); Jiwa Mohan dan Adi Fazri Rahim (Hoki); Yeoh Swee King, Thoe Ai Poh (Karate); R. Rajendran (Taekwondo) dan Kevan Cheah (Wushu).

# Maklum balas tingkatkan penyertaan *Seberang Jaya Car Free Morning*

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan berhubung penganjuran aktiviti senamrobik yang diadakan di Bandar Sunway di sini pada setiap Ahad minggu pertama setiap bulan.

Perkara tersebut dimaklumkan Yang diPertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud dalam satu sidang media baru-baru ini sejurus penganjuran Program Seberang Jaya Car Free Morning.

"Kita (MPSP) bercadang mengadakan satu mesyuarat khas bersama-sama kumpulan berkepentingan bagi mencari inisiatif bagi menarik lebih ramai kehadiran peserta menyertai acara senamrobik di sini.

"Program ini sebenarnya diadakan dalam usaha menggalakkan masyarakat di Seberang Perai, khususnya untuk membudayakan sukan serta menjalani kehidupan yang sihat," katanya pada majlis berkaitan.

Rozali dalam pada itu turut mempelawa komuniti di Seberang Perai untuk hadir menyertai dan memberi sokongan dalam penganjuran Program Seberang Jaya Car Free Morning yang diadakan pada setiap Ahad minggu pertama.

"Selain senamrobik, turut diadakan acara sukan berbasikal, permainan, pendidikan kesihatan, jualan dan lain-lain.

"Selain itu, **acara sama turut diadakan di Taman Tugu Demokrasi, Mak Mandin, Seberang Perai Utara pada minggu ketiga setiap bulan dan dekat Taman Berjaya, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, setiap minggu keempat setiap bulan**," jelasnya.

Difahamkan, lebih 500 peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pertubuhan memeriahkan program senamrobik tersebut dekat Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3 baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN persembahan menarik yang diadakan.**



**SR. Rozali Mohamud (berkopiah) menyertai acara senamrobik yang diadakan pada penganjuran Program Seberang Jaya Car Free Morning di sini baru-baru ini.**



# Pelan Butterworth Baharu bakal kembalikan semula kegemilangan Butterworth

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAGAN DALAM -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng memuji kolaborasi dua hala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dalam menggerakkan Pelan Butterworth Baharu.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar, beliau percaya bahawa keterangkuman Seberang Perai bakal merancakkan lagi aspirasi negeri.

"Jika Pulau Pinang ingin menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar, ianya perlu juga merangkumi Seberang Perai dan bukan hanya tertumpu di pulau.

"Jadi, syabas kepada MPSP dan ThinkCity kerana kedua-dua entiti ini telah menjadikan aspirasi Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bergerak ke arah bertaraf antarabangsa dan pintar melalui Pelan Butterworth Baharu.

"Saya percaya ia (Pelan Butterworth Baharu) akan mengembalikan semula kegemilangan Butterworth sebagai hab pengangkutan dan pusat aktiviti seni bertaraf dunia," ucapnya pada Majlis Perasmian Festival Pinggiran Butterworth (BFF) 2017 Ke-3 dekat Jalan Jetty Lama, Butterworth di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif yang dijemput khas; Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Kurator BFF, Joe Sidek dan Pengarah ThinkCity, Murali Ram.

Tambah Guan Eng, dengan penganjuran kali ketiga berkaitan, BFF berjaya meletakkan namanya setaraf dengan festival-festival seni lain di dunia.

"Penganjuran BFF bertujuan menghidupkan hab budaya, kreativiti, seni dan paling penting, ianya bersifat *fun and free festival* dalam menghiburkan orang awam yang tidak berkesempatan pergi ke luar negara.

"Jadi kita bawakan persembahan luar negara datang ke Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dalam pada itu, Rozali ketika berucap menyatakan bahawa Butterworth kini bergerak ke arah sebuah bandar lestari yang mana MPSP meluluskan projek-projek pembangunan di sekitar bandar sehingga menghasilkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bernilai RM306,858,693 bagi tempoh enam bulan pertama 2017 melalui empat projek.

"Ianya satu peningkatan ketara dari tahun 2016 iaitu cuma RM53,900. Manakala GDV bagi tahun 2015 pula adalah sebanyak RM132,500 melalui enam projek," jelasnya.

Sebanyak 27 persembahan seni mengambil bahagian dengan 20 daripadanya merupakan bakat anak tempatan dibawa pada penganjuran BFF 2017.

Pelbagai gerai jualan makanan, seni, buku, pameran dan lain-lain turut mengambil tempat dalam penganjuran festival yang berlangsung dari 12 hingga 13 Ogos lalu.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian BFF 2017 Ke-3 di sini baru-baru ini.**



**AKSI dua anggota keselamatan berlatarbelakangkan lukisan mural menarik perhatian lensa Buletin Mutiara.**



**SALAH satu persembahan yang diadakan.**

## Pelan Induk Laluan Basikal sedia 179km laluan khas menjelang 2020 – Maimunah

**GEORGE TOWN -** Sejak tahun 2008, pelbagai usaha diambil Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menggalakkan aktiviti berbasikal di negeri ini.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, **hasil inisiatif berterusan, satu Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang telah dirangka pada tahun 2010.**

**"Dalam pelan tersebut, sepanjang 179 kilometer (km) laluan basikal bakal disediakan di bahagian pulau menjelang tahun 2020.**

**"(Dan) kini, MBPP sedang memberikan tumpuan terhadap penyiapan laluan basikal di persisir pantai timur pulau yang menghubungkan Tanjung Tokong melalui George Town ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA),"** ucapnya pada Majlis Pelepasan Peserta Program Berbasikal Campaign for a Lane (CFAL) Edisi Ke-9 di Taman Bandaraya 13 Ogos lalu.

Hadir sama, Presiden G Club Pulau Pinang, Datuk Dr. Lim Seh Guan.

Dalam pada itu, Maimunah berkata, terdapat tiga projek laluan basikal yang sedang dilaksanakan kini, iaitu pembinaan jejantas basikal dan pejalan kaki di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu serta pembinaan jambatan basikal merentangi Sungai Ara dan Sungai Nibong; membina dan menaik taraf laluan basikal serta pejalan kaki di *Straits Quay* ke Padang Kota Lama sejauh 7.1km dan menaik taraf laluan dari *Queensbay Mall* ke Bayan Baru sepanjang 3.9km.

"MBPP juga telah menyediakan 1.4km laluan di sekeliling kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dan laluan basikal dari Komtar melalui Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu menuju ke *Queensbay Mall* sejauh 12.5km bersama-sama lima syarikat pemaju lain.

"(Dan) MBPP berbangga kerana menjadi sebahagian daripada 'agen' perubahan di Pulau Pinang," katanya.

Difahamkan seramai lebih 3,500 peserta dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam acara CFAL Edisi Ke-9 ini yang bertemakan '*Enhancing Bicycle Connectivity*'.



**KEPELBAGAIAN aksi menarik yang menyerikan penganjuran program.**



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

# Rozali sasar Seberang Perai diiktiraf Bandar Raya Pintar, Rendah Karbon 2022

**MAJLIS** Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mensasarkan Seberang Perai diiktiraf sebagai Bandar Pintar serta rendah karbon pada tahun 2022, iaitu dalam tempoh lima hingga enam tahun dari sekarang.

Yang di-Pertua Majlis MPSP, Dato' Sr. Rozali Mahmud memberitahu, salah satu cabaran terbesar untuk mencapai impian itu adalah meningkatkan mutu kebersihan di ketiga-tiga daerah Seberang Perai.

"Cabaran terbesar bagi saya adalah meningkatkan mutu kebersihan, mengurangkan penjanaan sampah, mengurangkan *carbon footprint*.

"Walaupun persekitaran Seberang Perai lebih bersih dari tahun ke tahun, namun aspek pembersihan perlu dipertingkat untuk mencapai taraf Bandar Raya Pintar serta rendah karbon," katanya.

Beliau memberitahu perkara itu pada sesi wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **AHMAD ADIL MUHAMAD**.

Rozali merupakan Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, ketika Dato' Maimunah Mohd. Sharif menyandang jawatan Yang di-Pertua Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Rozali pada 1 Julai lalu dilantik sebagai Yang di-Pertua Majlis bagi MPSP, serentak dengan majlis pelantikan Maimunah sebagai Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Selepas selesai Majlis Angkat Sumpah Terima Jawatan, Rozali dalam sidang media terus mengemukakan secara umum mengenai 12 fokus keutamaan pentadbirannya, demi meningkatkan mutu pelanggan MPSP.

Jelas Rozali, sasaran Seberang Perai diiktiraf sebagai Bandar Raya Pintar serta rendah karbon pada tahun 2022 merupakan salah satu fokus keutamaan pentadbirannya.



SR. Rozali Mohamud.

**BANDAR RAYA PINTAR**

Baginya, operasi kawalan pentadbiran MPSP mesti mengejar era industri 4.0, dengan merangkumkan Internet untuk Segala-Galanya (IoT), Pengkomputeran Awam (*Cloud Computing*), simulasi proses pemikiran manusia dalam model berkomputer (*Cognitive Computing*) yang menjadi sohor kini dalam kalangan pelanggan dan rakyat di Seberang Perai sendiri.

Maka, Rozali menegaskan bahawa sesebuah bandar akan ketinggalan jika tidak dapat atau gagal mengikuti era teknologi industri 4.0, kini.

"MPSP telah mengamalkan Data Terbuka (*Open Data*) dan telah membuka sembilan data set secara percuma untuk diberi nilai tambah bagi merancakkan ekonomi digital, seterusnya mencapai pembangunan ekonomi mampan.

"Kita (MPSP) akan memberi latihan kepada semua ketua jabatan dan ahli majlis pada September 2017, untuk memahami ledakan industri 4.0 ini.

"MPSP dalam proses membangunkan sistem tenaga solar untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dari sumber konvensional dan seterusnya mengurangkan *GHG emission* (intensiti pelepasan gas rumah hijau).

"MPSP juga dalam proses untuk memanggil (Permintaan Padangan) RFP parkir pintar.

"Sekali lagi, saya katakan, bahawa ini bukan kerja mudah," jelasnya.

**KEBERSIHAN BANDAR**

Pun begitu, Rozali menyatakan bahawa MPSP tidak akan mengabaikan aspek pembersihan bandar, sebagaimana diimpikan majoriti penduduk Seberang Perai.

"Kerana impian rakyat ini lah, MPSP pada tahun 2013 mengambil alih 100 peratus kerja-kerja pembersihan, dengan menawarkan 2,508 peluang kerja 3D atau Kotor, Bahaya dan Sukar, kepada warganegara sahaja.

"Implisitnya, kos pengurusan PBT untuk kerja-kerja pembersihan meningkat 43 peratus, menjadi RM66.18 juta berbanding RM40.09 juta ketika MPSP melantik kontraktor pembersihan secara *outsource* dahulu,'' jelasnya.

Pada peringkat permulaan ketika itu, direkodkan, pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyuntik RM20.58 juta bagi meringankan beban kewangan MPSP.

Menyedari semua cabaran serta kekangan kewangan yang dihadapi oleh MPSP pada masa hadapan, menurut Rozali, pentadbirannya akan menggandakan kempen mengurangkan penjanaan sampah, amalan kitar semula serta penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, demi terus meningkatkan lagi mutu kebersihan bandar.

"Pada (bulan) Jun hingga Disember 2016, hanya 35 peratus penduduk melaksanakan dasar ini (pengasingan sisa di punca), bagaimanapun bermula Januari hingga Julai 2017 sebanyak 67.3 peratus penduduk telah melaksanakan dasar ini.

"Jumlah kitar semula yang telah berjaya dikutip oleh MPSP di bawah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca melalui 1 Jun 2016 hingga Julai 2017 adalah sebanyak 98,222 kilogram (kg) atau 98.222 tan.

"Sebanyak RM1,984 kos *tipping fee* telah berjaya dijimatkan, hasil jualan barang-barang tersebut pula seberat 98,222 kg adalah sebanyak RM28,554.12.

"Walaupun penjanaan sampah akan tetap berlaku, dengan berat sampah harian yang dikutip di Seberang Perai masih 1,100 tan, sebenarnya cara terbaik untuk mengurangkan penjanaan sampah adalah dengan kempen mengurangkan penjanaan sampah itu sendiri," katanya.

Beliau memberitahu respons sebegitu ketika ditanya mengenai isu pertambahan populasi penduduk dan percambahan industri di Seberang Perai tentulah secara logik, sedikit-sebanyak menyumbang kepada penjanaan sisa pepejal dan sampah-sarap.

**TANAM 3,000 POKOK!**

"Dalam bukan Kemerdekaan, saya sasar pada hujung bulan (Ogos 2017) ini, kakitangan majlis, Ahli Majlis, penduduk Seberang Perai dan rakan korporat, kalau boleh kita tanam 3,000 batang pokok, ia satu ganjaran besar untuk Seberang Perai ini.

"Kita boleh kembali kepada tradisi orang dahulu, yang mana setiap pasangan baru mendapat cahaya mata, digalakkan membeli anak pokok daripada MPSP, menanam dan dijaga oleh pasangan tersebut untuk mengingati tarikh anak kelahiran mereka," ujarnya.

Rozali berhasrat untuk mewujudkan Taman Komuniti pada tahun 2018, dengan MPSP menyediakan tempat serta menentukan jenis tanaman yang boleh semua pihak mengambil bahagian menanam dan menjaga pokok masing-masing.

"Ini antara 12 fokus keutamaan yang akan cuba saya laksanakan sebagai Yang di-Pertua MPSP sebaik mungkin.

"Sekali lagi saya katakan, bahawa ini bukan kerja mudah," jelas beliau.

# MPSP giat laksana rehabilitasi, kekal bangunan warisan

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT MERTAJAM -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini giat melaksanakan rehabilitasi dan pemeliharaan bangunan-bangunan warisan sekitar bandar Bukit Mertajam dalam usaha mengekalkan nilai sejarah dan keunikannya.

Penolong Pengarah Perancang Bandar MPSP, Nur Faradilla Fahruddin berkata, pelaksanaan rehabilitasi dan pemeliharaan bangunan-bangunan warisan tersebut turut merangkumi Pasar Awam Bukit Mertajam yang mempunyai nilai sentimentalnya tersendiri.

"Pasar awam ini dibina pada pertengahan tahun 1960-an dan pernah terbakar pada Februari 2014.

"(Dan) kita (MPSP) sedang giat untuk mengekalkan semula pasar awam ini, termasuk bangunan-bangunan warisan lain yang mempunyai keunikan untuk diketengahkan kepada generasi akan datang.

"Lagipun, MPSP mahu tempat-tempat ini kekal menarik minat pelancong-pelancong dari luar, penduduk tempatan serta generasi muda tahu akan wujudnya sejarah di bangunan ini," jelasnya pada Majlis Sesi Town Hall Rehabilitasi Pasar Awam Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Perlesenan MPSP, Mohd. Ubaidillah Abdullah dan Ahli Majlis bagi MPSP, Woo Sze Zeng.

Menurut Nur Faradilla, pihaknya telah melakukan tinjauan bagi mendapatkan maklum balas orang awam berhubung cadangan penggunaan ruang di Tingkat 1, Pasar Awam Bukit Mertajam.

"Tinjauan ini turut melibatkan komuniti setempat, peniaga, wakil-wakil dari Universiti Sains Malaysia (USM), badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan Ahli Majlis MPSP sendiri.

"Tujuan kita adalah untuk mengembalikan semula 'sinar' pasar awam ini, dan kajian awal mendapati rata-rata mahukan dewan komuniti diwujudkan, galeri awam, pusat rekreasi, perpustakaan awam serta platform untuk bakat tempatan, kebudayaan dan muzik," jelasnya.



BANGUNAN asal Pasar Awam Bukit Mertajam.




**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam Sesi Town Hall Rehabilitasi Pasar Awam Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

# Kerja pembersihan diperluas ke kampung mulai November

**SEBERANG JAYA -** Langkah memperluaskan kerja-kerja pemotongan rumput jalan di kawasan kampung tradisional dan perkampungan baharu akan bermula November ini.

Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, langkah itu merupakan salah satu daripada 12 langkah utama pentadbirannya yang akan dilaksanakan dalam tempoh 200 hari, selepas dilantik sebagai Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 3 Julai lepas.

"Kita akan tetapkan KPI (penanda aras utama) secara *outcome based*, iaitu panjang rumput hanya 2 sentimeter hingga 5 sentimeter sahaja, berbeza dengan (amalan kerja) sebelum ini berdasarkan *output based* iaitu pusingan kerja-kerja pemotongan rumput 21 hari (sekali),

"Ini suatu cabaran yang besar, bermula pada bulan November ini," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP lain turut sertai sidang media tersebut.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa kerja-kerja pembersihan bakal dilaksanakan pentadbirannya adalah secara kontrak, yang mana semua jalan yang telah didaftarkan dalam sistem MARRIS atau *Malaysia Road Record Information System*.

"Kontrak pembersihan ini akan melibatkan kawasan di bawah pentadbiran Majlis (MPSP) dan kawasan-kawasan kampung yang berada di sepanjang 1,628 kilometer (meliputi) Jalan Negeri, Jalan Perbandaran dan Jalan Kampung," jelasnya sambil memberitahu bahawa pentadbirannya akan terus berusaha memastikan mutu kerja-kerja pembersihan di Seberang Perai senantiasa ditingkatkan.

Justeru, tambah beliau, penduduk dinasihatkan supaya mengurangkan penjanaan sisa domestik, mengamalkan pengasingan sisa di punca dan kitar semula, demi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri, iaitu Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dah Selamat.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

## IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Veterinar | GV41 | Tetap |
| 2. | Pegawai Undang-Undang | L41 | Kontrak |
| 3. | Pembantu Penguat Kuasa | KP19 | Tetap/Kontrak |
| 4. | Pembantu Kesihatan Awam | U19 | Tetap/Kontrak |

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi http://www.mbpp.gov.my. atau http://eperjawatan.mbpp.gov.my mulai **26 Ogos 2017.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 8 SEPTEMBER 2017**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Modal Insan** di talian berikut:- **04-2592115 / 2311 / 2245**

*Sambungan dari muka 11.*

Menurut dua lagi penduduk, **ROKIAH ALI**, 62, dan **CHE SU ABD. AZIZ**, 65, mereka akur dengan perintah pengosongan tersebut walaupun sedih.

"Walaupun sedih, tapi sekurang-kurangnya syukur sebab mereka dah janji sediakan tempat tinggal sementara.

"Moga dapat balik semula kat sini jika ada projek pembangunan nanti," ujar Che Su.

Sambil mengiakan kata-kata Che Su, Rokiah memberitahu, kedua-dua mereka yang merupakan jiran telah mula mengemas barang-barang keperluan untuk dibawa pindah.

"Tinggal di sini hampir 50 tahun, banyak yang perlu mengemas," ujarnya ringkas menamatkan sesi perbualan dengan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Terdahulu, Zairil meluangkan masa hampir tiga jam mengunjungi Kampung Mutiara untuk bertanyakan khabar penduduk sambil mengedarkan buah tangan kepada mereka.

Zairil ketika ditemui berkata, inisiatif khas turun padang tersebut diadakan untuk meninjau perkembangan penduduk setempat selepas kemelut pengusiran penduduk di Lot 39 dan 40 kampung berkenaan melalui perintah mahkamah pada 31 Julai lalu.

"Alhamdulillah sambutan penduduk amat baik.

"Semuanya (penduduk) nampak jelas dengan usaha Kerajaan Negeri dan wakil rakyat yang membantu mereka.

"Saya kira ini petanda positif dan berharap satu penyelesaian baik untuk semua akan tercapai," ujarnya.

Selain Kampung Mutiara, Zairil yang mengetuai program turun padang tersebut turut menziarahi 300 isi rumah lain di empat kampung berdekatan iaitu Kampung Che Mat, Kampung Kubur, Kampung Din Bambu dan Kampung Rasa Sayang.



**ROKIAH Ali.**



**CHE Su Abd. Aziz.**



**SUASANA di Kampung Mutiara.**



**SYERLEENA Abdul Rashid (dua dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama beberapa penduduk tempatan.**



# Kejayaan, keberkesanan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca terletak pada bahu semua pihak

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **TAN SWEE PENG**

**PAYA TERUBONG –** Anggapan bahawa kejayaan dan keberkesanan sesuatu kempen terletak pada bahu pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja adalah tidak tepat kerana komitmen dan kerjasama semua pihak, terutama penduduk setempat adalah amat diperlukan untuk merealisasikannya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin berkata, dalam menjayakan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di Pulau Pinang, terutamanya di kawasan perumahan pangsa atau berstrata tinggi, pihak pengurusan menjadi tulang belakang.

"Pihak pengurusan terutamanya perlu melaksanakan promosi berterusan dalam menggalakkan penduduk setempat mengamalkan pengasingan sisa di punca di kediaman masing-masing.

"Kejayaan dan keberkesanan sesuatu kempen atau dasar kerajaan itu adalah bergantung kepada kerjasama semua pihak terutama penduduk setempat.

"Oleh itu, suka saya sarankan supaya penduduk setempat dapat memberikan kerjasama penuh dalam menjayakan dasar ini," ujarnya ketika hadir merasmikan program pengasingan sisa di punca di Blok 4E, Farlim dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Pesuruhjaya Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Sr. Nik Ariff Long Dir; Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Unit Tindakan Khas), Mohd. Zamzuri Hussaiin; Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Semarak Api, Toon Hoon Lee dan Pengerusi Penang Natural Green Organisation (PNGO), S.K Chong.

Selain sesi penerangan, turut diadakan adalah perasmian tong pengasingan sisa yang diletakkan bersebelahan Dewan Komuniti blok berkaitan.




**YEOH Soon Hin (empat dari kiri) bersama-sama barisan jemputan lain menyempurnakan gimik pelancaran Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di Blok 4E di sini baru-baru ini.**

## ADUN komited terus wujud persekitaran kondusif buat penduduk

**AIR ITAM –** Projek pelebaran Jalan Masjid Negeri merupakan salah satu daripada tiga inisiatif penting yang dilaksanakan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam dalam usaha mewujudkan persekitaran lebih selesa buat pengguna serta penduduk di sini khususnya.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Wong Hon Wai berkata, kawasan persekitaran di Jalan Grove, Jalan Cheeseman dan Jalan Masjid Negeri merupakan kawasan yang padat dengan kuarters perumahan kerajaan, sekolah dan terdapat kira-kira lapan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang beroperasi di kawasan berkenaan.

"Kerja-kerja menaik taraf Jalan Masjid Negeri kepada tiga laluan kini telah 90 peratus siap. Keseluruhan Jalan Masjid Negeri dan sebahagian Jalan Scotland ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan.

"Projek ini bukan sahaja dapat menguraikan trafik, pada masa sama juga mewujudkan persekitaran lebih kondusif kepada penduduk di sekitar Jalan Masjid Negeri," ujarnya ketika hadir menyampaikan sumbangan kepada Pusat Kanak-kanak Istimewa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Pusat Kanak-kanak Istimewa Pulau Pinang, Puan Sri Datin Seri Datuk Raihanatul Habshiah Ibrahim Akiby.

Pada majlis berkaitan, Hon Wai menyumbangkan sebuah tong sampah komunal, tong sampah kitar semula (3) bernilai RM1,600 dan sumbangan RM3,000 kepada pusat berkenaan sempena penganjuran pesta makanan amal pada 20 Ogos 2017.

Menurut Hon Wai, beliau akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti persekitaran buat masyarakat setempat.

"Dua inisiatif lain iaitu masing-masingnya, pelebaran Lorong Batu Lanchang yang telah siap sepenuhnya tahun lalu dan pembukaan *Penang Digital Library*," ujarnya.



**WONG Hon Wai (empat dari kanan) dan sebahagian kanak-kanak dari Pusat Kanak-kanak Istimewa Pulau Pinang memasukkan surat khabar lama ke dalam tong kitar semula sebagai gimik majlis penyerahan tong sampah kepada pusat berkenaan di sini baru-baru ini.**



# Lokaliti wabak denggi, zika digempur

Gambar : **PPK**

**BAYAN LEPAS –** Tiga lokaliti dikenal pasti sebagai kawasan wabak denggi digempur habis-habisan dalam usaha menangani peningkatan kes demam denggi selain meningkatkan kesedaran umum mengenai bahayanya.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz yang hadir menyempurnakan Program Gotong-royong Mega Daerah Barat Daya 6 Ogos lalu berkata, tiga lokaliti terpilih ialah Kampung Seronok di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas dan dua lokasi lain dalam KADUN Batu Maung, iaitu Taman Muhibbah serta Pangsapuri TNB dekat Sungai Ara.

Menurutnya, semua pihak terutama penduduk setempat perlu menggembleng tenaga dan usaha secara konsisten bagi memastikan persekitaran kediaman bersih serta bebas daripada sebarang kawasan yang berisiko menakung air.

"Semua pihak, khususnya penduduk setempat perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan wabak denggi dibendung sepenuhnya... bukan sahaja denggi, zika juga perlu dibanteras.

"Jangan ambil mudah, jangan ambil ringan kerana kedua-dua wabak ini boleh meragut nyawa, dan jika dibiarkan, ia akan menular pada tahap yang membimbangkan," ujarnya yang berharap bahawa tiada lagi kes kematian dicatatkan di KADUN tersebut selepas ini.

Difahamkan, Program Gotong-royong Mega Daerah Barat Daya diadakan setelah menerima saranan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Aff Bahardin.

Bertemakan 'Belasah Aedes, Elak Denggi & Zika', program tersebut dilaksanakan secara bersepadu bersama-sama Jabatan Kesihatan Daerah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Hadir sama, Pegawai Kesihatan Daerah Barat Daya, Dr. Mohamed Iqbal Hamzah dan Pengerusi JKKK Kampung Seronok selaku Koordinator Program, Syed Saberi Syed Amirudin.



**SEBAHAGIAN penduduk setempat yang mengambil bahagian dalam Program Gotong-royong Mega Daerah Barat Daya 6 Ogos lalu di sini.**

## ADUN lawat kejadian siling bumbung usang, runtuh

**SUNGAI PINANG -** Kejadian runtuhan siling bumbung usang dipercayai dari tingkat 21, Blok A Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai di sini mengakibatkan kerosakan pada sebuah kenderaan penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim ketika melawat kawasan kejadian itu mengesahkan bahawa tiada sebarang kemalangan membabitkan orang awam.

"Tiada kemalangan awam, hanya sebuah kenderaan rosak kerana cermin pecah," jelasnya pada sidang media khas di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Makbul, Mohd Hussain turut sertai Siew Khim melawat lokasi kejadian.

Blok A Flat PPR Jalan Sungai terletak di kedudukan hadapan bangunan Tenaga Nasional Berhad serta bersebelahan Flat PPR Jalan Sungai dan Flat Turnkey.



**LIM Siew Khim meneliti serpihan dipercayai daripada siling bumbung usang yang terkena pada sebuah kenderaan di PPR Jalan Sungai di sini baru-baru ini.**

## RM4,373,800 untuk insentif Pelajar Emas

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai memberitahu, Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM4,373,800 juta untuk membiayai bantuan insentif Pelajar Emas bagi tahun 2017.

"Jumlah ini adalah bersamaan dengan 43,738 orang murid Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 dari seluruh negeri yang layak di seluruh negeri ini.

"Pembayaran adalah berlangsung dari 7 Ogos sehingga 18 Ogos 2017.

"Di kawasan saya, iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam, kita punyai 1,959 pelajar yang menikmati insentif ini, dan jumlah itu adalah tertinggi bagi kawasan pulau," katanya ketika memantau proses pembayaran insentif berkenaan di sebuah bank dekat Air Itam baru-baru ini.

Program Pelajar Emas dimulakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2010 bertujuan membantu golongan ibu bapa meringankan beban tanggungan kos pelajar seperti kelengkapan dan lain-lain keperluan.

Justeru, Hon Wai menyeru individu yang layak menerima insentif-insentif Kerajaan Negeri melalui program i-Sejahtera supaya segera mendaftarkan diri.

"Jika inginkan kepastian, bolehlah kunjungi pusat-pusat khidmat ADUN dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) setiap kawasan masing-masing," serunya.

Ibu tunggal, **NORLI YACOB**, 46, yang hadir menerima insentif berkenaan bagi pihak anak beliau melahirkan rasa syukur dengan sumbangan diterima.

"Saya mulanya dapat tahu program ini pun dari kawan-kawan, jadi saya daftar bagi anak yang bersekolah dekat Kampung Melayu dan gembira hari ini dapat RM100 untuk kegunaan anak saya nanti," ujarnya yang merupakan seorang peniaga nasi lemak.

Seorang lagi penerima, **ABDUL KARIM ANSUDU**, 46, menyifatkan proses mendapatkan insentif berkaitan adalah agak mudah dan senang.

"Sistem dia mudah, jadi senang dan tidak menyusahkan dengan pelbagai dokumen dan sebagainya," jelas beliau yang bertugas sebagai pembantu di sebuah restoran.



**WONG Hon Wai (empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama Norli Yacob (tiga dari kiri), Abdul Karim Ansudu (barisan depan, tiga dari kanan) dan para penerima lain pada program pembayaran insentif Pelajar Emas bagi tahun 2017 di sini baru-baru ini.**

# Jangan lupa asal-usul, berani cuba sesuatu lebih besar, Dr. Muzlifah

**PENYELIDIKAN** mengenai fungsi fagosit mononuklear manusia iaitu sekelompok sel darah putih yang terdiri daripada sel dendritik, monosit dan makrofag yang mengawal respons imun, bukan sahaja melonjakkan nama **PROF. DR. MUZLIFAH AISHA HANIFFA**, malah turut menaikkan nama Malaysia di mata dunia.

Felo Penyelidik Kanan dalam Sains Klinikal serta Pensyarah dan Perunding Pakar Dermatologi di Newcastle University, United Kingdom (UK) tersebut dinobatkan sebagai penerima *Lister Institute Research Prize Fellowship* pada Mei 2016.

Kagum dengan beliau, wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** telah mengikuti ceramah beliau berkaitan sel dendritik, monosit dan progenitor terhadap imun bertempat di Kolej Perubatan Pulau Pinang (PMC) baru-baru ini.



PROF. Dr. Muzlifah Aisha Haniffa.

**JANGAN SESEKALI LUPAKAN ASAL-USUL**

Pengiktirafan tersebut melayakkan beliau menerima sejumlah 200,000 pound sterling British iaitu bersamaan RM1.9 juta yang akan digunakan sebagai perintis untuk tempoh lima tahun dalam membangunkan penyelidikannya terhadap strategi vaksinasi sedia ada dan rawatan baru untuk penyakit kanser.

Ketika Buletin Mutiara menghampiri wanita berjiwa besar ini, Muzlifah menyatakan bahawa pengiktirafan tersebut merupakan penghargaan amat bermakna dalam kerjayanya, berikutan setiap tahun, hanya tiga hingga lima penyelidikan sahaja terpilih dan diberikan (pengiktirafan) dalam kalangan masyarakat di UK.

"Apa yang menjadi faktor kejayaan saya ialah kerja keras, bulatkan tekad dalam apa jua penyelidikan yang dilakukan dan jadi kreatif.

"Yang lebih penting, kita bukan sahaja perlu bercita-cita tinggi dan berimpian besar, tetapi di mana saja kita berpijak, jangan sesekali lupakan asal-usul," katanya memulakan perbualan.

Selain anugerah berkenaan, sebelumnya, Muzlifah turut banyak menerima penghargaan tertinggi lain di peringkat antarabangsa iaitu *European Society for Dermatology Research LEO Pharma Research Foundation Silver Award* pada tahun 2013; *The British Society for Investigative Dermatology Young Investigator Award (2012)* dan *Sue McCarthy Prize (runner-up) for the UK Medical Research Society Young Investigator Award (2009)*.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, kejayaannya juga banyak didorong oleh kejayaan saintis-saintis lain.

"Mereka banyak berikan nasihat dan idea berbeza dalam kerjaya saya, dari situ saya dapat belajar dan meningkatkan diri" ujarnya.

**LATAR BELAKANG**

Di sebalik kehebatan anak kelahiran Pulau Pinang ini, mungkin ramai yang tidak mengetahui cerita di sebalik sumber inspirasi beliau sehingga membawa kejayaan besar buat dirinya kini.

Menurut bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Convent, Green Lane itu, beliau begitu meminati bidang sains, dan bapa saudaranya yang merupakan seorang doktor adalah sumber inspirasinya.

"Banyak yang menjadi faktor pendorong kepada permulaan kerjaya saya hari ini.

"Salah satunya, apabila melihat pakcik menjadi doktor pertama di dalam keluarga... saya menjadi begitu tertarik dan berkobar-kobar ingin menjadi sepertinya," jelasnya.

Bertitik-tolak dari situ, ibu kepada dua cahaya mata berkenaan meneruskan pelajarannya di Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan pada 1986 hingga 1990, dan kemudian melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi bawah seliaan Universiti Sains Malaysia (USM).

Setelah tamat matrikulasi selama dua tahun di USM, beliau kemudian berhijrah ke Britain (UK) dan memulakan kerjayanya dalam bidang penyelidikan perubatan kira-kira 20 tahun lalu.

**STEM, GENERASI MUDA & WANITA**

Seiring dengan penekanan yang dilaungkan Kerajaan Negeri, Muzlifah menegaskan bahawa generasi muda perlu didedah serta diberikan tumpuan terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

"Sejak awal, saya sering menekankan bahawa bidang STEM ini berkait rapat dengan kehidupan manusia dan bersifat esoterik.

"Semua orang, terutamanya generasi muda boleh terlibat sama dan mengambil bahagian dengan banyak cara.

"Selain golongan muda, penekanan dalam bidang ini juga perlu melibatkan kepelbagaian latar belakang iaitu dengan mempunyai lebih ramai golongan wanita yang menceburi bidang khusus ini.

"Kepelbagaian akan memberikan nilai yang sangat berbeza dan menjadikannya lebih kuat," katanya.

**JANGAN TERGOLONG DALAM KUMPULAN STEREOTAIP MASYARAKAT**

Ulasnya lanjut, Muzlifah berharap golongan Hawa yang merupakan induk kepada masyarakat boleh pergi lebih jauh.

"Apa yang ingin saya katakan pada kaum wanita ialah *go for it*.... berani untuk melakukan perbezaan, yakin terhadap diri sendiri.

"Jika saya boleh menjadi saintis, anda di luar sana juga mampu berbuat demikian. Jangan hanya tergolong di dalam kumpulan stereotaip masyarakat sahaja, berani untuk mencuba sesuatu yang lebih besar," nasihat beliau.

**PULAU PINANG**

Bercerita mengenai Pulau Pinang, Muzlifah yang amat *low profile* perwatakannya ternyata begitu gembira apabila berpeluang pulang sebentar ke kampung halamannya di sini.

"Saya gembira dapat kembali ke Pulau Pinang!

"Selain dapat mengunjungi saudara-mara di sini, yang lebih gembira apabila dapat menikmati makanan *Penang*, terutamanya durian.

"Ia adalah peluang yang baik untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan serta memberikan inspirasi bersama orang-orang di sini," ujarnya mengakhiri perbualan kami.



FMT news FREE AND INDEPENDENT

FMT BAHASA | FMT BORNEO+ | FMT VIDEO | CONTR

HOME | NATION | OPINION | WORLD | LEISURE | SPORTS | BUSIN

Share 565 | Tweet 12 | Email 2 | Share 646

**Penang-born scientist gets RM1m UK research award**

FMT Reporters | September 11, 2016

Muzlifah Haniffa's work on white blood cells earns her a Lister Institute research prize fellowship.

Advertisement
EARN 1% CASH REBATES FOR FREELANCING Sign up for free PayPal

PETALING JAYA: A Penang-born scientist in Britain, Muzlifah Haniffa, has been awarded a £200,000 (RM1 million) fellowship for research into white blood cells and the immune system.

The fellowship is one of five research prizes awarded every year by the Lister Institute of Preventive Medicine for biomedical research.

Muzlifah is a senior research fellow in clinical science at Newcastle University and has worked in Britain for the past 15 years.

She was awarded the fellowship in May and will use the money for research into a family of white blood cells, with the aim of improving existing vaccination strategies and new treatments for cancer.

She said her research tracks the movement

**LAPORAN media berhubung penganugerahan *Lister Institute Research Prize Fellowship 2016* kepada beliau.**